


**Jilid V
No. 26**



**Hari Rabu
22hb Januari, 1969**

**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGGAL KELIMA
PENYATA RASMI**

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
4065]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1969—

**Jawatan-kuasa Perbekalan—(Hari Yang Ketiga)—
Kepala B.10 [Ruangan 4076]**

Kepala B.11 [Ruangan 4098]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH ZAKUAN BIN MOHD. ARIFF, PENGUASA

ALOR SETAR
1969

Harga: \$1

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Rabu, 22hb Januari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.**
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia **TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).**
- „ Menteri Pelajaran, **TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).**
- „ Menteri Keadilan, **TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).**
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia **TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).**
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia **TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).**
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).**
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, **TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).**
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, **DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).**
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, **DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P.**
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, **TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).**
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, **TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).**
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, **TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).**
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, **TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).**
- „ **NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).**
- „ **TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).**
- „ **WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).**

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri
Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan
Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK
BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T.
SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI
ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN,
P.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan,
TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K.
(Kelang).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P.
(Telok Anson).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID
BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan,
ENGRU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.,
P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW,
A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL
TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- Yang Amat
Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

- Yang Berhormat TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
 „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
 „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
 „ ORANG TUA MOHAMMAD DARAH BIN LANGPAD (Sabah).
 „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
 „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
 „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

- Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
 „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
 „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
 „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
 „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
 „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
 „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan (TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA).

DO'A

(c) berapa bilangan penunjuk perasaan.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

TINDAKAN POLIS TERHADAP PENUNTUT² UNIVERSITI YANG MENUNJOK PERASAAN DI- KEDUTAAN SOVIET, KUALA LUMPUR

1. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

(a) ada-kah benar bahawa Polis bertindak dengan sa-wenang²-nya terhadap penuntut² Universiti yang menunjuk perasaan di-Kedutaan Soviet di-Kuala Lumpur pada tahun lalu;

(b) sama-ada gas pemedeh mata telah di-gunakan dan apa-kah sebab-nya tindakan ini di-ambil; dan

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ia-lah tidak benar. Polis bukannya bertindak dengan sa-suka hati sahaja, tetapi telah terpaksa menyuraikan perhimpunan penuntut² yang di-anggapkan haram itu. Gas pemedeh mata yang di-gunakan dengan arahan Pegawai Penjaga Daerah Polis sendiri yang memikirkan itu-lah jalan yang paling prektik untuk menyuraikan perhimpunan haram itu.

Beberapa kali Pasokan Polis yang di-ketua² oleh Pegawai Penjaga Daerah Polis sendiri memerentahkan mereka suroh bersurai, penuntut² itu tidak memperendahkan perintah polis itu dan lagi pun gas pemedeh mata di-anggap tidak merbahaya (non injurious) dan juga penggunaan-nya mengelakkan polis daripada menyentoh penuntut² itu di-dalam perhimpunan yang haram itu.

PENYATA AZIZ—BILANGAN NASKHAH

4. Dr Tan Chee Khoon (Batu) bertanya kepada Menteri Pelajaran kenapa ada hanya satu naskhah Penyata Aziz walhal Kementerian mempunyai masa yang banyak untuk menchetakkan naskhah² yang menchukupi. Ada-kah dia sedar bahawa salinan naskhah² penyata itu yang menchukupi boleh di-buat dengan mudah sahaja tanpa menunggu tempoh tiga bulan yang di-perlukan oleh Jabatan² Chetak Kerajaan bagi menchetak 4,000 naskhah.

Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, chuma satu naskhah sahaja laporan telah di-berikan kepada saya pada 12hb Oktober, tahun 1968 oleh Pengerusi Surohanjaya Guru². Apabila saya telah terima naskhah itu, saya telah mengambil tindakan dengan segera untuk laporan itu di-chapkan oleh Penchetak Kerajaan. Ada-lah di-fikirkan dengan sebab laporan itu sangat tebal, maka harus-lah naskhah laporan itu di-chap bukan sa-balek-nya di-cyclostyle. Apa yang saya tahu daripada Penchetak Kerajaan, kerja untuk menyiapkan laporan itu sedang di-segerakan dan daripada berita yang akhir yang saya telah dapat petang sa-malam Penchetak Kerajaan telah memberi tahu bahawa laporan itu akan siap tidak lewat daripada 1hb Mach, tahun ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Pelajaran sedar oleh sebab guru² dan kaki-tangan Kerajaan di-sekolah² masing² telah menunggu laporan ini bukan satu bulan, bukan dua bulan, beberapa tahun sudah mustahak-lah laporan ini di-buat atau di-chetakkan dengan segera. Menteri yang berkenaan telah berkata awal haribulan Mach laporan ini boleh di-chetakkan, tetapi ada-kah Menteri Pelajaran mengambil perhatian kerja ini boleh di-buat bukan cyclostyle tetapi dengan Xerox machine dan jika Menteri Pelajaran sedar laporan ini boleh membuat dengan Xerox machine, bukan beribu² naskhah, tetapi barangkali 50 naskhah atau 100 naskhah untuk kegunaan Kerajaan dan Kesatuan Guru² menga-

pa-kah Menteri Pelajaran tidak mengambil tindakan seperti di-sebut oleh saya?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak membetulkan tuduhan bahawa pernyataan itu sudah siap sa-tahun dahulu. Penyata ini baharu siap bulan Oktober, macham mana Ahli Yang Berhormat dari Batu berkata sudah tahu. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Batu jangan suka gunakan tektik "nasi tambah". Berkenaan dengan chadangan-nya supaya kita gunakan Xerox machine itu, saya tidak ingat perkara laporan yang sa-bagitu penting patut di-buat sa-chara tergopoh². Kalau-lah Ahli Yang Berhormat itu telah memberi chadangan berkenaan Xerox machine pada saya dahulu, barangkali boleh saya timbangkan, tetapi sekarang sudah lambat, kerja menchetak pun akan siap tidak lama lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh mengambil perhatian pada masa yang akan datang, kalau ada kerja seperti ini saya boleh menulis kepada Menteri Pelajaran ada-kah Menteri Pelajaran sedar beberapa Kesatuan Guru² telah menchadangkan mereka boleh membuat kerja ini dan jikalau Menteri sedar mengapa beliau tidak mengambil perhatian atau berhubung dengan Kesatuan Guru² untuk membuat kerja dengan sa-chepat mungkin.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, tidak lazim bahawa satu tugas Kerajaan itu di-serahkan kepada pehak orang lain. Laporan ini ia-lah tanggung-jawab Kerajaan dan Kerajaan-lah yang bertanggung-jawab bagi menyediakan dan bagi mengechap laporan itu yang bukan sahaja "of interest" kepada guru² bahkan kepada umum seluruh negara kita. Dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat lagi, ahli² Kabinet pun belum lagi menerima naskhah laporan Surohanjaya itu.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, jika sekarang Menteri Pelajaran berkata Ahli² Kabinet pun belum menerima laporan daripada Surohanjaya itu, mengapa-kah Kementerian

Pelajaran tidak mengambil tindakan sa-belum Surohanjaya itu membuat laporan-nya dan memberi tahu kepada Surohanjaya itu jangan-lah beri satu naskhah laporan itu, tetapi beri-lah barangkali 50 atau 100 naskhah itu. Mengapa Menteri Pelajaran tidak mengambil tindakan sa-belum Surohanjaya Aziz membuat kerja atau menyimpulkan kerja?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya tidak boleh memberi perintah kepada Surohanjaya itu. Itu yang pertama sekali. Yang kedua sungguh pun naskhah yang telah di-serahkan kepada saya, itu telah di-serahkan kepada saya pada 12hb Oktober, 1968, tetapi sa-lepas daripada itu beberapa pindaan terpaksa di-buat oleh Surohanjaya itu kepada naskhah asal yang telah di-buat, dan yang telah di-serahkan kepada saya. Pindaan² factual dan juga pindaan² typing dan sa-bagai-nya yang terpaksa mengambil masa yang panjang juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, jika-lau-lah benar bahawa naskhah ini satu atau dua dan ahli² Kabinet pun belum menerima, ada-kah ini bererti bahawa Laporan Surohanjaya Aziz ini tidak di-mengerti khas-nya melainkan oleh Menteri Pelajaran sahaja dan mengapa sampai begitu dudok-nya?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, sa-takat ini saya sa-orang sahaja-lah.

JAWATAN-KUASA UNTUK MENGAJI PENYATA AZIZ

5. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran sa-kira-nya Jawatan-kuasa mengandongi lima orang yang di-ketua² oleh Tan Sri Kadir bin Shamsuddin untuk mengkaji Penyata Aziz telah bermula kerja dan berapa lama-kah ia akan mengambil masa untuk menyelesaikan kerja-nya.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, Jawatan-kuasa Pegawai² ada-lah mengandongi 6 dan bukan 5 orang dan dengan sebab di-pandang-

kan sangat mustahak kerja Jawatan-kuasa itu, maka sekarang ini telah diputuskan bahawa Jawatan-kuasa itu harus di-ketua² oleh Ketua Setia Usaha Negara, bukan Director-General bagi Perkhidmatan 'Am. Jawatan-kuasa ini telah pun mengadakan meshuarat-nya yang pertama dan telah melantek 4 Jawatan-kuasa Kechil untuk menyiasat beberapa perkara bersangkutan dengan laporan tersebut. Ada-lah mustahil bagi saya hendak memberi tahu sekarang ini bila-kah yang Jawatan-kuasa itu dapat menamatkan kerja-nya, tetapi ada-lah di-jangka bahawa Jawatan-kuasa itu akan menjalankan tugas-nya dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, apabila Menteri Pelajaran menerima laporan daripada Surohanjaya Aziz, beliau berkata Jawatan-kuasa ini di-ketua² oleh Tan Sri Kadir bin Shamsuddin pada masa itu akan mengambil 3 bulan sahaja untuk menyiasat laporan itu. Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, beliau berkata Jawatan-kuasa ini bukan 5 orang, pada masa itu 5 orang sekarang 6 orang. Pada masa dahulu di-ketua² oleh Tan Sri Kadir Shamsuddin. Sekarang di-ketua² oleh Ketua Setia Usaha Negara dan beliau sekarang tidak berkata berapa lama Jawatan-kuasa ini akan mengambil masa untuk menyiasat laporan itu tetapi kalau 3 bulan atau 5 bulan atau sa-tengah tahun atau satu tahun lagi, berapa lama-kah lagi guru² atau ra'ayat di-Malaysia akan menunggu lagi supaya mereka boleh tahu apa tindakan Kementerian Pelajaran akan mengambil tentang laporan itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi jawapan tadi apa-kah sebab-nya yang Kerajaan terpaksa menukar Pengerusi bagi Jawatan-kuasa itu. Berkenaan dengan apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi yang mengatakan saya telah membuat ucapan dahulu bahawa Jawatan-kuasa itu dapat menamatkan kerja-nya dalam masa 3 bulan, mengikut jawapan yang saya beri pada hari ini boleh jadi kurang daripada 3 bulan!.

Kaji Teknik Makanan. Peruntokan untuk Bahagian Kaji Teknik Makanan berkaitan dengan satu rancangan Food Technology Research and Development Centre. Di-bawah rancangan ini, bantuan di-beri oleh pehak Bangsa² Bersatu sa-chara pakar² dan sa-paroh daripadanya sa-chara perkakas yang di-kehendaki untuk ujian. Bilangan pegawai² yang di-ambil untuk bertugas tiap² tahun adalah mengikut bilangan pakar² yang datang berkhidmat dengan rancangan tersebut. Oleh sebab rancangan ini baharu sahaja di-mulakan ia-itu pada bulan November tahun 1967 maka facilities untuk ujian baharu sahaja disediakan dan akan di-tambah lagi pada masa yang akan datang. Dengan kekurangan alat perkakas dan makmal yang sesuai pada tahun lalu, maka ujian² berkenaan dengan chara² memproses bahan² pengeluaran perusahaan pertanian, perikanan dan penternakan terhadap kepada buahan² sahaja, tetapi insha' Allah di-dalam tahun ini ujian yang lebeh pesat dan giat lagi akan di-buat. Ujian² yang mendapat kejayaan yang baik di-dalam makmal akan di-chuba di-kilang² perchubaaan atau pun pilot plants sa-belum di-majukan sa-bagai satu industry.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan ia menerima sa-puchok surat aduan daripada Pemereksa Kira² dalam Sharikat Kerjasama Melayu, Taiping, mengenai kecurangan yang berlaku di-dalam sharikat itu. Apa yang di-adukan oleh Pemereksa Kira² di-dalam itu semua sudah di-binchangkan oleh Jawatan-kuasa Sharikat bersama² dengan Penolong Kanan Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, Perak, beberapa lama dahulu. Keputusan yang di-chapai di-dalam perjumpaan itu telah memuaskan semua pehak barangkali chuma ahli itu sa-orang sahaja. Penolong Kanan Pesurohjaya Kerjasama, Perak, telah mengambil berat di-atas semua yang di-adukan. Perjumpaan dengan Jawatan-kuasa ini sa-benar-nya telah di-atorkan oleh Penolong Kanan Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, Perak, sendiri.

Ahli dari Batu juga telah menyentoh berkenaan dengan Sharikat Kerjasama

Polis berkenaan dengan pembelian tanah yang tidak dapat kebenaran daripada Pesurohjaya Sharikat Kerjasama. Saya telah pun membuat satu pengumuman pada awal bulan ini ia-itu langkah akan di-ambil bagi membawa Sharikat² Kerjasama atau Ahli Jawatan-kuasa yang terlibat di-dalam masaalah ini ka-mahkamah. Jadi, dengan ini saya suka-lah sa-kali lagi mengumumkan ia-itu da'waan atau pun saman akan di-uruskan dan di-keluarkan terhadap kepada Ahli² Jawatan-kuasa Sharikat Kerjasama Polis ini dan dua buah sharikat lain insha' Allah di-dalam bulan ini juga

Dr Tan Che Khoon: Tuan Pengerusi, saya hendak menguchapkan ribuan terima kaseh kepada langkah yang akan di-ambil oleh Menteri yang berkenaan dan saya hendak bertanya ia-itu mengapa-kah Menteri yang berkenaan bagitu lewat mengambil tindakan yang di-sebutkan oleh Menteri itu tadi.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu sendiri mengetahuï, perkara ini telah pun berada di-dalam penyiasatan polis, dalam penyiasatan Anti-Corruption Agency dan berbagai² lagi, tidak-lah elok Pesurohjaya Sharikat Kerjasama ini mengambil tindakan sa-masa perkara ini maseh dalam siasatan dan kajian. Jadi manakala perkara itu telah pun selesai di-kaji dan di-siasat maka langkah yang dapat di-ambil oleh Tuan Pesurohjaya ia-lah mengeluarkan saman kepada Ahli² Jawatan-kuasa yang membeli tanah dengan tidak mendapat kebenaran daripada Pesurohjaya itu sendiri.

Satu perkara lagi yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan membachakan satu surat yang mana patutnya surat itu tidak di-bachakan dalam Dewan ini, tetapi telah di-bacha dalam Dewan ini berhubung dengan rayuan sa-orang ahli daripada sharikat kerjasama yang telah meminta berhenti lebeh kurang satu tahun dahulu dan menyatakan wang-nya tidak di-kembalikan. Sa-benar-nya ahli itu telah pun meminta berhenti lebeh

kurang dalam bulan November tahun 1967 dan sa-patut-nya pembayaran wang itu di-beri kepada-nya dalam bulan November tahun 1968. Tetapi dengan sebab salah sa-orang daripada ahli yang boleh menandatangani cek Sharikat Kerjasama itu ada-lah sedang di-dalam satu perbincangan atau kena da'awa, maka terpaksa-lah sharikat itu mengubah nama sa-orang lain untuk menandatangani cek itu. Dalam meshuarat mereka dalam bulan Januari tahun ini pada 14hb Januari kalau tidak silap, Sharikat itu telah pun menggantikan nama orang yang akan menandatangani cek itu dan saya perchaya kalau tidak pun beliau ini telah menerima atau pun dalam minggu ini, beliau akan menerima wang saham-nya itu.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama berkata ahli sharikat itu tidak boleh dapat wang balek oleh sebab Setia-usaha atau pun pegawai Sharikat itu sudah kena saman, mengapa-kah Sharikat tersebut mengambil begitu lama untuk menukar pegawai yang lain yang boleh menandatangani cek itu, mengapa mengambil masa dekat satu tahun; itu-lah menunjukkan kelemahan atau penyakit di-dalam sharikat kerjasama itu.

Tuan Pengerusi: Ini soal penjelasan, soal yang tidak di-faham dalam ucapan itu di-tanya, bukan soalan tambahan.

Dr Tan Chee Khoon: Yang saya maksudkan kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, Tuan Pengerusi, ia-lah mengapa sharikat itu mengambil masa begitu lama untuk menukarkan orang atau pegawai yang boleh menandatangani cek itu.

Tuan Pengerusi: Itu-lah saya kata, itu satu soalan lain, bukan tak faham, sudah faham.

Dr Tan Chee Khoon: Ya. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan boleh-kah di-masa yang akan datang dalam sharikat kerjasama masing², kalau sa-kira-nya ada perbuatan seperti itu sharikat masing² terpaksa mengambil tindakan lebeh chepat.

Tuan Pengerusi: Saya suka menangkan dalam Atoran dan Peratoran Meshuarat jika sa-saorang itu membuat ucapan, tak boleh di-tegor, hanya hendak bertanya di-atas penjelasan sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, kita ini dalam Jawatan-kuasa, saya dan semua orang boleh bertanya.

Tuan Pengerusi: Boleh bertanya, tetapi sa-lepas ucapan.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alum ia-itu langkah menda'awa ahli itu telah pun di-jalankan baharu sahaja, jadi sa-belum langkah da'awaan dibuat, tentu-lah dapat Jawatan-kuasa atau pun sharikat itu hendak mengubah nama orang lain untuk menyain cek dan sa-bagai-nya. Jadi saya rasa perkara ini ada-lah di-dalam tanggungjawab sharikat itu sendiri dan mereka telah pun menjalankan tanggungjawab ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam telah menyatakan sebab kemundoran Sharikat² Kerjasama, kekurangan penerangan, kekurangan latehan tidak ada semangat dedication hanya Sharikat yang ada tidak mahu menjalankan kerja² perkembangan. Dan beliau juga telah menyatakan tidak bersetuju yang Sharikat² Kerjasama yang akan di-daftarkan masa akan datang hanya terhad kepada yang lebeh daripada 100 orang. Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu di-atas kemundoran Sharikat² Kerjasama ini. Semua shor² Ahli Yang Berhormat akan di-ambil perhatian dan akan di-laksanakan. Pegawai² Pelajaran Kerjasama akan ditempatkan di-beberapa kawasan untuk memperhebatkan lagi penerangan dan pelajaran kerjasama.

Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu juga sedia ma'alum Maktab Kerjasama yang ada di-Petaling Jaya itu pada masa sekarang ini telah pun diletakkan di-bawah satu Undan² yang berkanun dan Ahli² Jawatan-kuasa Penasihat Maktab Kerjasama telah pun

di-lantek yang terdiri daripada pegawai² professional dan pegawai² yang mahir di-dalam masalah urusan perniagaan dan perusahaan. Saya berharap dengan adanya chorak baharu di-Maktab yang tersebut, maka pelajaran berkenaan dengan sharikat kerjasama ini akan dapat di-perbaiki bagi masa yang akan datang ini.

Berhubung dengan masalah Pendaftaran Sharikat Kerjasama tidak digalakkan kepada sharikat² yang ahlinya kurang daripada 100 orang, maka ini ialah untuk menjaga supaya sharikat² kerjasama itu tidak di-tubuhkan sabagai chendawan di-dalam negeri ini. Kita biasa mendapati dan perkara ini biasa berlaku, kalau sa-kira-nya ada sa-orang berdua sahaja yang tak bersetuju dengan sharikat yang ada itu terutama sekali tak bersetuju dengan Jawatan-kuasa dan sa-bagai-nya, maka mereka ini akan menchari jalan bagi menubuhkan sharikat lain di-dalam kawasan yang sama. Jadi, untuk mengelakkan perkara² sa-umpama ini berlaku, maka dengan sebab itu-lah Sharikat² Kerjasama bagi masa akan datang, terutama sekali di-luar bandar akan di-galakkan sa-kira-nya mereka itu menubuhkan sharikat kerjasama berchorak anika-guna atau serba-guna dan ahli²-nya tidak kurang daripada 100 orang, tetapi kalau sa-kira-nya atau satu² sharikat yang ahli-nya kurang, tetapi di-fikirkan boleh berjalan dengan ahli yang kurang itu, maka timbangan untuk melepaskan syarat² itu akan di-beri kepada sharikat yang tersebut.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor berkenaan dengan kesusahan menubuhkan sharikat² kerjasama di-dalam Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutaun. Penubuhan sharikat² kedai di-Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan tidak di-galakkan oleh kerana Lembaga itu sendiri hendak menjalankan rancangan berkedai runchit di-dalam semua kawasan rancangan tanah dimasa hadapan. Oleh sebab itu-lah pehak sharikat² kerjasama tidak menggalakkan penubuhan-nya di-dalam kawasan rancangan tanah itu.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut telah menyebut masalah penyakit merah yang sentiasa merosakkan padi dan berharap supaya kajian yang berhubung dengan itu dapat di-jalankan bagi masa yang akan datang ini. Sa-benar-nya di-dalam tahun 1967 dan 1968 tidak ada-lah kawasan² padi yang di-rosakkan oleh penyakit merah ini dengan banyak, chuma di-sini sadikit di-sana sadikit. Kajian berkenaan dengan membasmi penyakit merah ini telah pun di-jalankan oleh Jabatan Pertanian dan juga oleh berbagai² agency diseluruh dunia ini. Tetapi sa-hingga hari ini maseh lagi belum terdapat satu ubat atau pun satu chara yang dapat membasmi keseluruhan-nya penyakit merah ini. Walau macham mana sekali pun pehak Jabatan Kajian dalam Jabatan Pertanian telah pun menjalankan kajian bagi mengadakan beneh² padi yang tidak di-serang atau pun tidak akan di-serang oleh penyakit² merah ini. Oleh yang demikian pada masa yang sudah ini kita mendapat beberapa jenis padi baharu yang boleh di-katakan kurang-lah mendapat serangan daripada penyakit merah ini. Berhubung dengan

Tuan Geh Chong Keat: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri menerangkan oleh sebab penyakit merah ini ada di-dalam Research Department bagi menchari satu jalan untuk membaiki penyakit ini. Tetapi dahulu di-dalam Dewan ini saya ada berkata penyakit merah ini ada berlaku di-dalam negeri Manila dan Ford Research Foundation ada berkata dia takut penyakit merah ini di-rasmikan di-dalam Malaysia, jadi macham mana hendak membaiki penyakit ini kerana penyakit ini di-sebabkan oleh virus. Jadi jikalau hendak tahan dan hapuskan dia, dan memberi nasihat nombor satu, di-bakar semua padi² di-dalam area²—kawasan ini yang kena penyakit ini. Nombor dua oleh sebab virus kita kena-lah minta macham mana kita ada mempunyai advance atau kemajuan di-atas penyakit ini.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Saya berharap, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat

ada apa² shor boleh-lah sampaikan kepada Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut juga telah menyatakan berkenaan dengan bund di-Sungai Baharu dan beliau telah menegor atau menyatakan perasaan tidak puas hati berkenaan dengan pembayaran compensation atau pun sagu hati berkenaan dengan pengambilan tanah dan sa-bagai-nya. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu dapat berhubung dengan Kementerian saya sendiri supaya dapat perkara ini di-jalankan siasatan.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok telah menyatakan rasa susah hati-nya berhubung dengan satu penyakit yang menimpa lembu² yang ada di-dalam kawasan-nya itu. Sa-benar-nya mengikut daripada kajian yang di-buat oleh beberapa pegawai ia-itu ada kawasan² di-Bagan Datok itu yang tidak berapa sesuai untuk memelihara lembu, dan dengan sebab keadaan ayer dan sa-bagai-nya di-kawasan Bagan Datok itu-lah yang menyebabkan penyakit ini merebak di-dalam kawasan itu. Walau bagaimana pun saya akan terus menghantar lagi pegawai² untuk menjalankan siasatan yang lebeh lanjut berhubung dengan masaalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan telah meminta supaya Pegawai² Sharikat Kerjasama di-tambah. Sungoh pun jawatan tidak di-tambah bagi Bahagian Kemajuan Kerjasama, tetapi bilangan pemegang² jawatan Pegawai Kerjasama dan Kerani² Odit telah ditambah oleh sebab pada masa yang sudah² walau pun jawatan itu ada tetapi jawatan itu tidak di-penohkan dengan sebab tidak ada pemohon² yang mahu berkhidmat sa-bagai pegawai kerjasama ini tetapi sekarang kita telah dapat pegawai² yang tetap bagi memonohi jawatan² itu dan saya perchaya dengan ada bilangan pegawai² itu kerja² akan dapat di-majukan dengan baik-nya.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengeshorkan supaya Jabatan Haiwan mengkaji masaalah mengadakan ternakan lembu di-satu kawasan sa-luas 200 ekar. Jadi sa-benar-nya kawasan

sa-luas 200 ekar ini daripada segi Pejabat Haiwan tidak-lah menchukupi, kerana kawasan ini kechil dan sa-banyak² lembu boleh di-letakkan di-dalam kawasan itu tidak lebeh daripada 200 ekor dan kajian sa-kira-nya di-buat akan membazirkan sahaja. Jadi, dengan sebab itu saya berharap Ahli Yang Berhormat itu akan dapat berunding dengan pehak yang berkuasa di-Negeri berkenaan dengan kegunaan kawasan 200 ekar itu.

Berhubung dengan kawasan ternakan di-Pulau Besar atau ranchangan di-Pulau Besar, ini ada-lah ranchangan Kerajaan Negeri dan pehak Kementerian dan juga Jabatan Haiwan sedang mengkaji sama-ada ranchangan ini akan berekonomik, atau pun akan mendapat kejayaan atau tidak, jadi ini akan di-kaji oleh Jabatan Haiwan sendiri.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan ia-itu peruntokan bagi pelajaran kerjasama tidak menchukupi dan beliau juga telah meminta supaya di-adakan van yang dapat bergerak dari satu tempat ka-satu tempat bagi memberi penerangan kerjasama ini. Sa-lain daripada peruntokan yang ada di-dalam Anggaran Perbelanjaan ini, maka tiap² sharikat kerjasama yang ada di-dalam negeri ini ada-lah di-kehendaki menurut Undang², memberi derma sa-banyak 2% daripada keuntongan-nya kepada Pelajaran Kerjasama. Jadi, hasil daripada kutipan ini dan juga wang yang di-peruntokkan oleh Kerajaan ada-lah di-fikirkan chukup untuk menjalankan pelajaran kerjasama di-dalam negeri ini.

Berhubung dengan mobile unit van, perkara ini akan di-timbang dan sa-lain daripada itu pehak Jabatan Kerjasama juga telah pun mendapat kerjasama yang penoh daripada mobile unit Jabatan Penerangan manakala sharikat kerjasama hendak memberi penjelasan penerangan atau apa juga di-kawasan² luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat telah bertanya bila-kah kawasan di-Krian dapat di-tanam padi dua kali sa-tahun pada keselurohan-nya. Sa-benar-nya dalam tahun ini pehak

Jabatan Parit dan Taliayer telah pun wakan negeri ini ia-lah perusahaan dapat menyediakan ayer untuk tanam- tanaman padi ini tidak di-jalankan

4091

22 JANUARI 1969

4092

perundingan bagi mendapat sa-orang pakar dari Taiwan bagi mengkaji berkenaan dengan penubohan persatuan² nelayan. Pakar ini harus akan sampai ka-negeri ini pada akhir bulan ini bagi menjalankan kajian dan menyusun berkenaan dengan penubohan persatuan² nelayan bagi negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah mengshorkan supaya memperoses buah² limau yang di-tanam di-negeri Trengganu. Buah² limau di-negeri Trengganu mengikut chara memperoses di-dapati mutu-nya belum-lah lagi sa-teraf dengan jenis² limau yang di-bawa masok daripada luar negeri. Sunggoh pun demikian, ujian berkenaan dengan kegunaan buah²an ini sedang di-buat dan akan di-teruskan apabila ma'amal yang baharu siap dalam tahun ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengshorkan supaya di-adakan ladang berkumpul atau pun *area development*. Perkara ini ada-lah sedang di-jalankan segala urusan berkenaan dengan tanaman, sa-umpama marketing dan jenis tanaman atau pun beneh² dan sa-bagai-nya, sedang di-dalam siasatan dan kajian dan saya perchaya tidak lama lagi akan dapat di-ishtiharkan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menyatakan ia-itu Jabatan Parit dan Taliayer tidak memberi kerjasama yang penoh kepada ranchangan menanam padi di-dalam kawasan Parit dan pendapatan padi di-dalam bahagian Parit ada-lah sangat berkurangan.

Penjelasan dan penerangan berkenaan dengan tanaman padi telah pun di-beri kepada peladang² dan petani² sa-belum daripada tanaman jenis² atau pun beneh² yang baharu di-jalankan di-satu² tempat. Sa-belum daripada beneh² itu di-beri maka peladang² dan petani² ada-lah di-kumpul di-beri penerangan, penjelasan dan di-tunjuk ajar berkenaan dengan menanam padi itu. Sa-kira-nya ada berlaku sa-lain daripada itu, saya berharaplah kepada

tindakan di-ambil mengikut sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Parit juga telah menyatakan ada sawah sa-luas 700 ekar di-Lambor Kiri.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Hendak menegorkah?

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Pengerusi, saya ingat Menteri sudah had itu sahaja, tidak ada sambong.

Tuan Haji Mohamad Ghazali bin Haji Jawi: Ahli Yang Berhormat dari Parit juga telah menyatakan ada tanah sawah sa-luas 700 ekar di-Lambor Kiri kena banjir dan ini ada-lah luar daripada kawasan Trans-Perak dan di-sini juga beliau menudoh ia-itu ada pegawai tinggi yang di-dalam kawasan itu tidak bertanggung-jawab dan sa-bagai-nya. Di-sini saya minta-lah kepada Ahli Yang Berhormat itu memberi laporan yang penoh dan memberi butiran, tempat dan kawasan itu supaya dapat Kementerian saya dan juga Jabatan yang berkenaan mengambil tindakan. Saya suka-lah menegaskan di-sini ia-itu pegawai² di-dalam Kementerian ini dan Jabatan ini telah pun di-tugaskan untuk menjalankan segala ikhtiar bagi memajukan ra'ayat di-luar bandar. Kalau sa-kira-nya ada di-antara pegawai² di-bawah Kementerian atau Jabatan² yang berkenaan yang chuai atau pun yang belot kepada perjuangan ra'ayat bagi memperbaikkan nasib mereka maka tindakan akan di-ambil ka-atas mereka itu.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Lagi sa-kali-kah?

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Untok penjelasan, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan 700 ekar di-Mukim Lambor Kiri ini, saya hendak memberi tahu kepada Menteri Yang

bendang yang tertua. Jadi ini tidak ada jagaan di-dalam ranchangan Trans-Perak Irrigation Scheme maka tidak-lah dalam tanggung-jawab pegawai yang tersebut tadi. Tetapi ada usaha penduduk² di-sana mendapat nasihat daripada pegawai yang berkenaan dan menjemput pegawai yang berkenaan ka-tempat mereka itu menerangkan bagaimana masaalah hendak mendapat ayer, sebab tidak ada parit dan taliayer di-kawasan itu, itu sebab-lah padi itu tidak menjadi sekarang. Jadi, pegawai yang berkenaan yang telah di-undang itu tidak datang, jadi sia² perjumpaan hari itu. Ini-lah saya hendak bangkitkan soal ini, tetapi saya tahu pehak Pegawai Daerah telah mengambil tindakan berkenaan ini.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, itu-lah saya meminta nama kawasan itu, nama pegawai yang tidak hadir dan sa-bagai-nya supaya Jabatan yang berkenaan akan dapat mengambil tindakan. Jadi saya di-sini menguchapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mendatangkan atau pun menerangkan masaalah² yang tersebut tetapi dengan penerangan yang telah di-beri itu tidak-lah dapat diambil tindakan dengan sebab tidak tahu kawasan mana, siapa pegawainya dan sa-bagai-nya. Jadi saya harap-lah kepada Ahli Yang Berhormat menyampaikan segala butiran² itu kepada saya supaya dapat di-ambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson telah menyatakan kemushkilan-nya ia-itu bila nelayan² di-dalam kawasan-nya hendak menubuhkan sharikat kerjasama, nelayan² itu di-minta supaya bersatu dengan peladang². Saya rasa pendapat Ahli Yang Berhormat itu harus-lah terkeliru sedikit atau pun ada keadaan salah faham di-tempat itu. Dasar Kementerian pada masa sekarang ini ia-lah menggalakkan penubuhan sharikat kerjasama serba-guna di-mana tujuan² ada-lah bermacham² dan tidak di-hadkan kepada satu sahaja. Jadi, boleh jadi Pegawai Sharikat Kerjasama di-kawasan itu telah pun menasihatkan kepada nelayan² itu supaya menubuhkan sharikat

serba-guna dan dengan penubuhan sharikat serba-guna itu, sharikat itu boleh menjalankan urusan tangkapan ikan, membeli boat atau pun sa-kiranya ada pula ahli²-nya yang ingin hendak menjalankan ternakan, dia boleh menjalankan usaha ternakan di-bawah satu sharikat kerjasama sahaja dengan tidak payah menubuhkan berpuluh² sharikat kerjasama di-dalam satu tempat itu. Jadi, saya rasa boleh jadi kekeliruan sa-umpama itu berlaku. Jadi saya berharap-lah kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya menyasiat lagi dan memberi tahu keadaan yang sa-benar kepada saya.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan telah menyatakan ia-itu di-dalam kawasan-nya kekurangan Pegawai Pertanian Muda. Dalam masa-alah ini saya menguchapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu yang mengambil berat berkenaan dengan masaalah kemajuan pertanian dan kemushkilan-nya berkenaan dengan kekurangan pegawai² ini. Saya juga sedar di-atas kekurangan Pegawai² Pertanian Muda di-Negeri², tetapi sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, lantekan atau pun perkhidmatan Pegawai Pertanian Muda ini ada-lah di-bawah kekuasaan Kerajaan Negeri. Jadi, saya berharap-lah perkara ini dapat di-rojokkan kepada Negeri² dan saya di-sini dapat memberi jaminan, sokongan daripada Kementerian saya akan di-beri berhubong dengan masaalah ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan kekurangan ayer di-kawasan-nya dan berharap supaya kawasan-nya tidak di-anak tirikan oleh pegawai² Jabatan Parit dan Taliayer dari Perak dengan sebab kawasan-nya dudok di-hujung taliayer di-Krian dan dengan sebab itu ada tuduhan² mengatakkan kawasan Sungai Acheh itu di-anak tirikan oleh pegawai daripada Perak. Di-sini saya suka-lah menegasakan, tidak ada timbul masaalah anak tiri, anak benar atau anak apa. Pegawai² yang ada itu ada-lah menjalankan urusan mereka untuk memberi ayer kepada seluroh kawasan di-dalam jagaan-nya dan kawasan² yang di-sampai oleh taliayer² dan di-bawah

Malaysia sa-bagai kawasan pembangunan. Dengan ada-nya pengishti-haran ini maka terbuka-lah kepada sharikat² yang bersedia menanam modal memilih menanam modal-nya dengan mendirikan kilang² kata-lah di-mana² kawasan yang di-ishtiharkan sa-bagai kawasan pembangunan. Saya sendiri berharap apabila pehak Kementerian menimbangkan perkara ini bahawa pehak yang bersangkutan-paut di-Kementerian tidak akan lupakan keadaan di-Pantai Timor.

Bagaimana Ahli² Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi sendiri ketahuï, asas ekonomi di-sabelah Pantai Timor saperti Trengganu, Pahang dan Kelantan, asas ekonomi-nya ada-lah pertanian. Dan bagi mereka² yang duduk di-tepi² pantai ia-lah menchari makan dengan jalan menangkap ikan atau industri nelayan. Sa-tahu saya di-negeri saya sendiri, semenjak kita merdeka sudah 12 tahun dan semenjak Kerajaan Pas memerintah 10 tahun lebeh atau hampir 10 tahun, tidak ada lagi di-buka apa² industri sadikit pun, atau pun di-buka apa² kawasan tanah yang besar²an saperti FLDA di-negeri² lain, sa-hingga makin sa-tahun sa-makin bertambah keadaan penganggoran. Ini dia, point yang kedua saya suka membe-beratkan, meminta Menteri menim-bangkan masalah ini dengan segera-nya.

Dua atau tiga bulan yang lepas—ini saya hendak memberi chontoh sa-haja, Tuan Pengerusi—ada lima tempat kosong bagi buroh kasar di-Jabatan Lembaga Letrik Negara dan ada 1,500 pemuda² kita yang menghantar permohonan. Ini-lah hal keadaan-nya, makin sa-tahun sa-makin bertambah masalah penganggoran yang kita sa-kalian di-Dewan ini dan di-luar Dewan ini telah mengambil ingatan, mengamb-il tahu masalah ini berat. Pada hari itu Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri telah membuat penyataan ba-hawa satu daripada jalan² atau chara² yang kita hendak mengurangkan ma-saalah penganggoran di-negeri kita ini ia-lah dengan jalan kita membuka industri², sa-lain daripada dua atau tiga perkara yang di-shorkan lagi. Jadi, saya perchaya jikalau sa-kira-nya di-

ishtiharkan, kata-lah, sa-buah negeri Kelantan, atau pun dua atau tiga bahagian yang menasabah di-dalam negeri itu sa-bagai kawasan pembangunan, maka saya perchaya ada-lah harapan kita menggalakkan sharikat² yang sedia menanam modal dalam pada segi membuka industri masok ka-negeri Kelantan dan saya harap bagitu juga di-negeri² lain saperti Trengganu dan Pahang. Ini satu per-kara yang sangat mustahak oleh sebab itu saya membangkitkan perkara ini sa-kali lagi dan saya harap akan men-dengar satu akuan yang memuaskan daripada Yang Berhormat Menteri ba-hawa pehak Kementerian-nya sedang mengambil langkah yang tegas dan tepat berkenaan dengan masaalah ini.

Jadi ini ada-lah tegoran saya yang menyentohkan ia-itu peratoran dalam perbahathan kita berthabit dengan Menteri sendiri ia-itu B.11 Butiran (1), muka 117, dan B.11, Butiran (50) ia-itu Pengawal Bahagian Perusahaan. Yang kedua yang saya hendak sebutkan pada hari ini ia-lah berkenaan dengan eksport ia-itu B.11, Butiran (25) muka 118. Yang Berhormat Menteri pada hari Juma'at lepas waktu menggulong perbahathan-nya telah mengatakan dan saya meminta izin menyebutkan apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu dalam bahasa Inggeris. "Despite all incentives, whether the tax holidays, tax credit or protection, the ultimate pace-maker in industrialisation is the market. If there is a market sufficiently large and profitable, factories will come up in big hurry, to manufacture the products. Otherwise, no amount of incentives can persuade any enterprise to put up the factory to manufacture products they cannot sell in sufficient quantities to justify the capital invested. Markets then, whether at home or abroad, dictate the pace of industrialisation."

Saya bersetuju 100 peratus dengan apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu. Sa-takat pengala-man dan pengetahuan saya, domestic market kita dengan ada-nya beratus² indastri belum lagi sampai kata orang dalam bahasa Inggeris-nya "saturation

point", tetapi bagi meluaskan lagi perindustrian di-negara kita ini dan hendak menggalakkan lagi penanaman modal, maka wajib-lah kita mencari market daripada luar² negeri. Jadi dengan kerana tujuan ini, saya berharap pehak Kementerian akan menggalakkan lagi penghantaran Trade Commission atau pun Surohanjaya Perdagangan, kepada mana² negeri yang menasabah yang kita patut hantarkan, mempelawakan dan mencheritakan apa barang yang kita buat di-negeri kita ini yang kita boleh jual kepada mereka.

Saya memang mengetahui, Tuan Pengerusi, bahawa perkara ini telah di-timbangkan dan sedang di-timbangkan oleh pehak Kementerian dan sedang pun ada perhubungan yang rapi di-antara industri² dengan pehak Kementerian. Tetapi saya suka supaya perhubungan dan persefahaman di-antara pehak² industri dengan Kementerian akan bertambah lebeh rapat lagi. Tambahan pula sekarang, Tuan Pengerusi, kita telah mendirikan, atau pun akan tambah mendirikan bagaimana yang di-tunjokkan di-dalam Buku Perbekalan ini, tidak kurang daripada 25 Pejabat Trade Commissioners atau Surohanjaya Perdagangan, boleh dikatakan di-serata dunia yang meliputi kawasan Eropah termasuk negeri² Kominis, kawasan Pacific daripada Selatan Vietnam, Philipine, Hongkong, Korea ka-Jepun dan juga pergi lagi ka-Timor Australia, New Zealand dan juga di-Afrika Timor dan lain² tempat lagi. Maka saya berharap pehak Kementerian akan memerentahkan kepada pegawai yang bertugas sa-bagai Trade Commissioners di-negara² ini supaya menghantar balek laporan² kepada Kementerian tentang apa-kah barang² yang boleh kita hantar ekspot dan jualkan di-negara² itu sa-lain daripada getah dan bijeh timah dan minyak kelapa sawit yang kita memang ketahui ia-lah perdagangan² yang memang dibeli atau laku di-jual di-United States of Amerika, di-Eropah dan juga sa-belah negeri Timor Eropah.

Ini satu tambahan kepada chadangan saya tadi kita menghantarkan Trade Commissioners supaya jangan-lah kita menghantarkan Trade Commission itu

kapada tempat² yang kita tahu kita tidak boleh menawarkan barang² kita, atau pun barang² kita itu tidak boleh di-jualkan.

Saya perchaya tentu apabila Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa Trade Mission ini ia-lah satu tanggungan private sector patut mengambil berat. Saya mengaku, kalau jawapan itu begitu, saya mengaku betul, tetapi jika memandangkan kepada keadaan ekonomi negara kita dan juga keadaan sebab negara kita baharu sahaja kita hendak mendirikan industri², maka sa-lain daripada industri² yang ada champoran modal dengan modal luar kebanyakan daripada industri kita itu daripada modal dalam negeri ia-lah industri² kecil yang tidak boleh dikatakan menyusun dan mengatorkan satu mission yang besaran² yang boleh kita hantar ka-luar negeri, jikalau tidak ada-nya galakan, sokongan, bantuan daripada pehak Kementerian yang berkenaan.

Saya suka, Tuan Pengerusi, mengshorkan bagi timbangan Yang Berhormat Menteri patut kita adakan satu Trade Commission atau satu Pejabat Trade Commissioner yang akan meliputi kepulauan Pacific. Saya tahu kita telah ada di-Australia, sudah ada di-New Zealand tetapi saya fikir banyak dagangan kita boleh laku di-kawasan kepulauan Pacific dan tempat-nya yang saya hendak shorkan sa-bagai pengshoran sahaja, boleh Kementerian ini kalau bersetuju pada dasar-nya sahaja memilih mana² tempat yang lain. Satu tempat yang saya hendak shorkan itu ia-lah kalau tak ada lagi di-Fiji, mithal-nya, saya rasa tak ada lagi, sa-lepas daripada saya melihat dalam Buku Perbekalan ini. Ada-kah tidak Trade Commissioner kita di-Australia itu di-tugaskan meliputi pulau² Pacific atau Fiji itu saya tak tahu-lah, tetapi saya perchaya banyak barang² keluaran negara kita ini boleh laku di-jual di-pulau² yang beribu² dalam Lautan Pacific itu.

Itu-lah sahaja tegoran saya dalam perbahathan ini, Tuan Pengerusi, dan saya harap pehak Yang Berhormat Menteri dan Kementerian-nya tolonglah mengambil berat sedikit berkenaan

dengan apa pengshoran yang telah saya bangkitkan tadi. Terima kaseh.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Saya bangun meminta izin berchakap di-atas Kepala B.11. Tuan Pengerusi, memang Kerajaan kita sedang melangkah atau meluaskan ekonomi-nya yang berjalan dengan pesat dan terator. Kita lihat di-serata tanah ayer kita segala factory atau pun kilang² tumbuh dengan banyak-nya seperti chendawan keadaan-nya masing². Pengundi² saya, Tuan Pengerusi, dan saya sendiri, menguchapkan ribuan terima kaseh dan tahniah kapada Menteri, khas-nya dan juga kapada pegawai²-nya atas usaha mereka yang giat dan tegas ini. Daripada satu masa ka-satu masa, Tuan Pengerusi, kita lihat galakan tegas di-beri oleh Yang Berhormat Menteri dan saya minta izin daripada Tuan Pengerusi membacha quotation dalam bahasa Inggeris. Dalam *Straits Times*, Saturday, 18th January, 1969: "Government hopes to create 457,000 jobs." "Tan Sri Lim said that employment opportunities were still in the agricultural sector. 'At least 120,000 acres of forest must be brought into cultivation every year. I repeat, by way of agriculture.' Tan Sri Lim said new capital must also be invested."

Tuan Pengerusi, memandang segala galakan yang telah di-berikan oleh Menteri, saya rasa sangat-lah memberangsangkan kita sakalian dan saya rasa sa-tengah² pekerjaan yang di-buat oleh Kementerian itu lewat sadikit dan saya minta B.11, Butiran (3) muka 117, ia-itu Setia Usaha Tetap dan yang kedua-nya, muka surat 119, Butiran (51) ia-itu Timbalan Pengawal Bahagian Perusahaan ada \$10.00 sahaja di-utokkan di-sini, Tuan Pengerusi. Jadi, saya fikir pekerjaan dalam Kementerian ini sangat berat dan satu jawatan telah saya nyatakan tadi tinggal begitu sahaja tidak di-penohkan. Saya fikir tentu-lah usaha dalam perindustrian ini boleh berjalan dengan lebeh pesat lagi umpama-nya kalau Setia Usaha Tetap-nya di-berikan bonos dan jawatan yang begitu penting di-penohkan dengan serta-merta, maka dengan jalan ini kita dapat

perindustrian di-dalam negara kita ini berjalan lebeh baik dan terator lagi.

Tuan Pengerusi, daripada laporan² yang telah di-bentangkan di-dalam Dewan ini mengenai kejayaan² yang telah di-chapai oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan di-dapati bahawa sa-suatu rekod yang memuaskan telah di-dapati dalam segi perusahaan dan perniagaan negeri ini. Dalam Dewan ini beberapa hari yang lampau saya ada menyebutkan bahawa Kerajaan Negeri Perak di-bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar-nya ia-itu Dato' Ahmad bin Said telah mengambil initiative menyokong sa-buah penyatuan perusahaan gula dalam negeri itu. Perusahaan ini akan meliputi sa-buah ladang gula sa-luas 25 ribu ekar di-dalam kawasan yang sama akan di-dirikan sa-buah kilang unok memproses gula daripada tebu yang di-tanam di-kawasan itu. Berjiran dengan kawasan ini, Tuan Pengerusi, ada beribu ekar tanah yang di-punyaï oleh peladang² pekebun kechil. Kami telah membuat satu galakan kapada peladang² ini menanam dan menukar daripada menanam getah kapada penanaman tebu. Kami akan memberi nasihat dan memberi beneh, baja dan telah menerima segala usaha mereka itu mengilang tebu mereka itu di-kilang kami sendiri.

Penyatuan perusahaan gula ini boleh membawa kapada beberapa perusahaan² tambahan yang lain saperti papan lembut dan kertas daripada hampas tebu, daripada ayer tebu di-perolehi alkohol perusahaan ram, ragi dan ajino-moto, kacang tanah, yang di-perolehi daripada lapangan pokok tebu boleh mendatangkan minyak kacang dan makanan² haiwan dan akhir-nya ternakan haiwan daripada makanan² yang di-perolehi daripada puchok² tebu, daun², ayer tebu dan hampas kacang tanah. Di-dalam masa Kerajaan sedang menghadapi masaalah tanpa pekerjaan saperti yang telah dinyatakan oleh rakan sa-jawat saya Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir tadi yang timbul akibat daripada pemechahan ladang² getah dan sebab² yang lain, negeri Perak telah mengambil tindakan yang tegas dan constructive bagi menyelesaikan masaalah² yang

kerja² yang tidak baik. Ini yang ditunggu daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, saya nampak kalau di-kaitkan pula dengan Ordinary Expenditure dengan Development Expenditure ada-lah berbedza dekat² 10 kali ganda. Saya tidak akan membahathkan development ini, sebab kita akan bertemu lagi kalau Menteri kita ini di-beri Tuhan umur panjang. Yang saya hendak berchakap ia-lah berkenaan dengan Ordinary Expenditure .

Tuan Pengerusi, beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi telah berchakap perkara yang besar ia-lah kesulitan yang timbul apa-kah kemajuan trade, commerce dan industry ini dapat di-jalankan dengan chara yang di-paksa oleh public sector, atau pun dengan kerjasama dari pehak private sector. Masaalah mengikut penyiasatan saya, Tuan Pengerusi, sa-lama tiga tahun dalam Dewan ini saya dapati Kementerian kita ini tidak dapat hendak convince pehak² organiser, atau pun yang di-istilahkan dalam ekonomi entrepreneurs supaya dapat memberi kerjasama dengan Kementerian. Jadi, Tuan Pengerusi, sa-lagi perundingan antara public sector dengan private sector terutama peranan atau pun role entrepreneurs itu tidak dapat di-buktikan oleh Kementerian ini, maka Kementerian ini hanya akan menjadi orang-tengah atau pun middleman kepada kapitalist² tempatan atau pun kapitalist² luar, dan ini tentu-lah Menteri kita sendiri tidak berniat hendak buat bagitu. Tetapi ini-lah menunjukkan kurang chekap Kementerian ini—inefficiency—telah berlaku dalam Kementerian ini. Saya tidak menyalahkan Menteri ini sendiri, sebab memang polisi Kerajaan bagi tahun ini dalam Kementerian ini memang behind schedule.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara yang kita dapati di-negeri ini ia-itu cost of labour atau bayaran bagi tenaga manusia yang bekerja atau pun buroh amat-lah murah berbanding dengan negeri² lain dan di-banding pula dengan cost of living di-negeri ini ia-itu sara hidup di-negeri ini, tetapi peluang yang baik itu tidak di-gunakan oleh Kement-

terian ini untuk membuat sa-suatu. Pada hal kita tahu, yang saya tahu sadikit sa-banyak, yang saya tahu di-Johor ada satu factory membuat baju, itu kepunyaan Amerika, tetapi oleh kerana bayaran buroh di-Amerika tinggi, maka dia membuka factory di-sini dan dia mengambil buroh² kita di-sini. Kalau ini dapat di-lakukan oleh Amerika dalam kunjongan Menteri yang sebok merata dunia pada tahun ini apa-kah tidak dapat kita attract foreign investment untuk mengadakan factory di-sini dan dengan demikian menambah employment kepada ra'ayat kita di-sini. Apa yang di-tuju, Tuan Pengerusi, saya membanding development dengan Ordinary Supply ini saya dapati di-maksudkan boleh memberi kerja employment betul² sa-rupa dengan orang hendak beri kerja makan gaji. Ada juga Menteri ini berusaha ia-itu siapa hendak bekerja betul² sa-rupa dengan minta post bekerja. Dalam ekonomi, Tuan Pengerusi, bagi pendapat saya—saya bukan economist—bukan ma'ana memberi kerja buboh list berapa banyak orang bekerja, ma'ana-nya kita create peluang untuk mendapat kerja. Itu tanggungan Menteri, bukan menyiapkan satu senarai berapa ribu penganggoran ada, tetapi yang di-buat oleh Kementerian itu chuba² hendak menyediakan berapa banyak kerja hendak bahagi kepada berapa banyak orang yang ada dalam list. Itu kerja Kementerian Buroh. Oleh kerana tidak ada co-ordination ini, Tuan Pengerusi, saya rasa Kementerian Buroh pun tidak akan berjaya, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan sendiri pun tidak akan berjaya.

Tuan Pengerusi, kalau kita perhati pula di-dalam development di-dalam Ordinary Expenditure itu sendiri pun Menteri ini berhasrat juga hendak membuat development. Itu saya puji, tetapi, Tuan Pengerusi, di-ketika Kementerian kita hendak melakukan development dengan perbelanjaan yang tertentu itu ada kerja²-nya yang mustahak dengan development itu di-serahkan kepada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Ini, Tuan Pengerusi, tidak boleh di-lakukan oleh Kementerian ini menurut development yang di-jangka. Kalau ini tidak dapat

di-lakukan perbelanjaan development yang kita kirakan hampir² \$50,000 yang akan datang itu saya tidak tahu hendak buat development di-mana, sebab trade dan industry ini bagi-nya sendiri tidak ada development kalau tidak daripada raw material yang kita dapat yang kebanyakan-nya terpendam dalam Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian dan juga Kementerian Pertanian. Jadi, co-ordination antara kedua Kementerian ini saya tidak dapat, yang ada-nya ia-lah Kementeria ini hendak menarek untuk dia berpeluang bekerja umpama-nya hendak menunjukkan pada tahun 1969 dan Kementerian Perdagangan pun dengan hati yang lapang memberi, bukan memberi dengan persetujuan-nya tetapi untuk melegakan tanggung-jawab-nya. Ini, Tuan Pengerusi, amat-lah merbahaya bagi ekonomi kita.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu ada perkara² kecil yang saya tidak hendak sebut dengan detail-nya, saya tidak akan mengambil masa yang banyak dan saya rasa Yang Berhormat Menteri kita sudah faham apa yang saya kehendaki itu. Ada pun masalah ini \$5.00; ini \$3.00 itu bukan kita hendak membebankan kepada Menteri, itu routine, tidak mustahak, Tuan Pengerusi, bahathkan sangat, cerita kilang itu beluti-nya pechah, papan-nya patah, ini tidak mustahak.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara ia-itu N.E.B. N.E.B. ini, Tuan Pengerusi, saya telah bersumpah sa-bagai Ahli Public Accounts Committee sudah tentu-lah saya tidak berchakap, tetapi saya hendak berchakap luar daripada itu. Rupa-nya yang di-luar daripada yang saya sumpah itu pun boleh jadi tahun hadapan ini Yang Berhormat Menteri kita kalau di-lantek lagi menjadi Menteri Perdagangan dan Perusahaan dia tidak akan mahu, sebab dia tahu sendiri perkara ini maha karut, Tuan Pengerusi. Saya berani kata begitu, bukan dari segi pegawai² bekerja, atau pun dari segi kebolehan pehak² yang bertanggung-jawab, tetapi dari segi permainan politik. Saya tidak dapat substantiate, tetapi saya ada mempunyai bukti² yang saya minta Menteri ini tidak chepat sangat menchabar

saya, ia-itu ada banyak badan² berkanun atau pun statutory bodies, mital-nya Majlis² Bandaran yang dikuasai oleh Perikatan—Parti Perikatan—yang berhutang kepada N.E.B. Bila N.E.B. bersabar sampai begitu lama dan chuba hendak mengambil tindakan, datang surat dari atas. Saya tidak tahu daripada Menteri-kah, daripada mana-kah, jangan memotong api, jangan membuat begitu bagini, dan selamat-lah body itu, dan bertanggung-lah hutang kita yang banyak. Ini, Tuan Pengerusi, yang saya tahu satu tempat. Saya tidak tahu kalau ini berlaku pada satu tempat di-mana² juga yang badan² yang di-kuasai oleh pehak pemerintah akan membuat begitu juga. Saya tahu perkara ini tentu Menteri ini tidak bersetuju, sebab tanggung-jawab-nya dalam N.E.B. oleh kerana N.E.B. itu sudah banyak menanggung hutang orang dan hutang itu pula bukan daripada public yang N.E.B. itu boleh tuntutan dalam mahkamah dengan mudah, tetapi orang yang berhutang itu ia-lah statutory body yang di-lindungi oleh beberapa undang² yang di-ketua² oleh parti pemerintah itu sendiri. Ini, Tuan Pengerusi, amat-lah merbahaya. Bukan saya marah kepada Perikatan hendak membuat kepada apa yang dikuasai-nya, memang itu kerja dia, tetapi yang saya tidak mahu kalau tendency itu berlaku, maka N.E.B. sendiri akan kachau-bilau.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Tuan Pengerusi, saya hendak meminta Ahli Yang Berhormat itu, ada bukti-kah perbuatan bagini?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, tadi saya katakan saya meminta Menteri ini jangan chepat sangat challenge saya, sebab saya berkata benda ini saya tidak hendak substantiate di-dalam Dewan ini, dalam pada itu pun saya boleh memberi jaminan kepada Menteri ini bahawa apa yang saya kata ini kalau pun tidak betul 100% ada fact dia yang kita boleh pegang—to that extent, saya sudah sebut pada permulaan lagi tadi.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Tuan Pengerusi, saya tidak pernah mendapat surat daripada mana satu Town Board meminta virement-nya di-tanggohkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri kita ini sahabat saya lama dan dia kenal saya dan saya berchakap dalam bahasa Melayu kerana saya yakin Yang Berhormat Menteri ini faham bahasa Melayu. Saya sa-kali pun tidak menyebut yang Menteri ini bagi surat, saya sebut ada surat dari atas, mana² pehak saya tidak sebut—I was very conscious dalam perkataan ini.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Tuan Pengerusi, dia kata dari atas?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, barangkali saya tidak mesti menerangkan kechuali kalau Menteri ini chabar suroh saya membuat dengan serta-merta.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Tuan Pengerusi, saya chabar dia.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak ingat daripada Kementerian mana tetapi saya dapat memberi jaminan kepada Menteri ini bahawa surat itu dari atas dan boleh-lah Menteri ini berpegang dengan chakapan saya dan saya akan buktikan. Tujuan yang bagini bukan gertak Menteri ini, sebab saya membuka satu perkara yang besar.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Tuan Pengerusi, saya tidak boleh berpegang kapada chakapan Ahli Yang Berhormat, kalau dia membuat tuntutan bagini, dia mesti memberi bukti.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hormat chabaran itu dan saya telah pun mengemukakan soalan² ini dan saya sengaja, Tuan Pengerusi, tidak mahu menyentoh orang dan pehak, sebab itu dalam soalan² ini saya membayangkan bahawa ada perkara yang berlaku bagitu dan boleh dapat di-dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jawapan-nya dan saya tidak berapa suka sangat hendak menyentoh peribadi orang dan jawapan yang bertulis itu ada. Saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri ini rajin sadikit-lah dia dan membacha itu, saya rasa jawapan dia itu ada di-situ.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: (*bangun, tidak dengar*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Majlis Bandaran mithal-nya ia-lah di-bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi N.E.B. di-bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan kalau yang berhutang itu di-pehak Kementerian Kerajaan Tempatan dan P e r u m a h a n rugi-lah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Jadi saya tidak mahu hendak melagakan kedua² Menteri ini, saya masuk jalan tengah dengan satu soalan yang chukup-lah lembut, tetapi kalau kedua² pehak ini menchabar saya, saya rasa, Tuan Pengerusi, benda yang lembut itu pun boleh jadi keras, kalau ada chabaran-nya (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu ada lagi satu yang saya hendak sebut berkenaan kilang²—kilang² perusahaan. Tujuan yang besar dalam polisi Kementerian ini ia-lah hendak meninggikan harga barang² utama—primary commodity, dan kita hendak processkan barang² itu di-dalam negeri ini. Tetapi tidak ada, Tuan Pengerusi, yang betul² yang di-kehendaki, sa-bagai necessity bagi hidup kita. Apa yang kita mengeluarkan terkadang² barang boleh di-keluarkan semi-luxury. Jadi ini, Tuan Pengerusi, tidak juga dapat menguntongkan negeri ini, sebab barang² luxury itu patut-lah kita boleh ambil daripada luar negeri atau pun kita tidak hendak menggalakkan sangat barang² luxury sa-macham itu—saya tidak hendak menyebut satu persatu benda itu, saya rasa itu sudah chukup untok Menteri ini memahamkan.

Dan yang kedua, Tuan Pengerusi, tidak ada kilang² yang boleh menambahkan kechergasan teknik. Mithal-nya saya dapat tahu di-Petaling Jaya ada satu Junior Technical Institute di-buat oleh private sector—saya tidak tahu siapa dia—tetapi ini Kementerian kita mengikut jawapan yang saya dapat bukan sahaja tidak menolong, tidak ambil tahu langsung. Kerajaan menjawab Kerajaan tidak tahu langsung. Satu usaha daripada entrepreneur,

daripada private sector yang tampil hadapan membena satu Junior Technical Institute, Kementerian ini dudok diam dan tidak berkata apa². Sudah sewajar-nya Tuan Pengerusi, patut kalau saya potong \$1.00 pada gaji Menteri ini pada hari ini, tetapi bagaimana yang hendak kita katakan hendak menambahkan employment di-situ. Ini chukuk malu, Tuan Pengerusi.

Saya lalu pergi tengok di-situ saya kata bagaimana sahabat saya Menteri ini bagitu rajin pada tahun ini, walau pun dia hendak kalah, tetapi sa-belum mengundorkan diri tidak patut meninggalkan medan yang sa-macham itu. Kita gentleman, kita tahu kita hendak kalah tetapi kita menjalankan duty kita sampai kepada winning post biarlah orang² lain sampai dahulu.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, untok penjelasan boleh-kah Ahli Yang Berhormat dari Bachok memberi jaminan yang Menteri Perdagangan dan Perusahaan boleh kalah di-dalam pilihan raya akan datang (*Ketawa*)?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, boleh jadi saya silap, tetapi ma'alumat yang sampai kepada saya oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Batu hendak bertanding di-sana (*Ketawa*).

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Ahli Yang Berhormat dari Batu hendak bertanding dalam kawasan saya, ya!

Dr Tan Chee Khoon: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Tidak payah jawab itu!

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Yang akhir, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan usaha² yang dijalankan oleh Kementerian, ini yang saya dapati peluang² kekayaan yang boleh di-sedut oleh warga negara di-sini tidak di-salorkan kepada orang² yang tidak berada, ia-itu gulongan yang have nots tidak dapat peluang di-sini. Dengan demikian timbul-lah suara² daripada pehak bangku belakang sendiri daripada Perikatan pun mengatakan bumiputera tidak dapat peluang-lah bagitu bagini yang sa-benar-nya bila kita sebut bumiputera itu bukan

bermaksud orang Melayu atau pun bukan orang China; yang bermaksud betul² gulongan yang tidak berada. Jadi, oleh kerana polisi ini di-jalankan dengan tidak menimbang ia-itu mengikut conclusion

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: (*dengan izin*) Is that the new definition of "bumiputera" that bumiputeras mean all the have-nots?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, maksud saya ia-lah bila gulongan itu kebanyakan *in toto* itu-lah kita sebutkan yang tidak berada. Ada juga orang Melayu yang kaya, terutama ada juga Ahli² Yang Berhormat daripada Perikatan.

Tuan Pengerusi, yang saya suka Menteri kita ini faham saya ia-itu saya tidak mengatakan orang persaoangan—individual—tidak, saya kira group. Jadi itu pendapat saya. Kalau Menteri ini tidak dapat menerima, itu masaalah lain-lah. Jadi oleh kerana peluang² yang kita buat tidak kita tujukan kepada sector² yang tertentu, maka terasa-lah bahawa bumiputera ini, atau orang Melayu ini, atau orang yang tidak berada ini tidak mendapat peluang, maka timbul-lah silap faham. Boleh jadi orang Melayu yang miskin dia kata Menteri ini sebab dia orang China, boleh jadi orang ini pula kata kami ini di-Sabah dan di-Sarawak, dia marah kepada Menteri ini; yang Menteri ini menjadi korban dan menjadi sacrifice itu, kerana polisi dia ini tidak menuju ka-situ, tetapi kalau polisi itu dia boleh push dia chuba hendak membuat itu sudah menjalankan duty dia, siapa hendak katakan apa pun tidak peduli dan ini tidak ada buktinya, Tuan Pengerusi, saya membuat kesimpulan bahawa saya kata terang² dengan with due respect kepada Menteri ini bahawa polisi dan perbelanjaan budget kita pada tahun ini bagi Kementerian Perdagangan behind schedule dan ini amat-lah malu bagi kita sa-sudah kita menjalankan lima tahun dalam usaha² kita.

Tuan Toh Theam Hock (Kampar): (*dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like to make a few comments under Head B.11. I congratulate the

Honourable Minister of Commerce and Industry for his very excellent report on commerce and industry for last year. Factories and industries have been going up all over the country providing much needed employment and prosperity for our country.

Sir, on the question of industry, I would like to ask the Honourable Minister of Commerce and Industry to look at Kampar and see for himself the basic nature of Kampar's contribution to our national economy in terms of dollars and cents and employments. For that matter, I would like to invite all the other Ministers to similarly look at Kampar. Sir, Kampar is the richest tin producing area in Malaysia, if not in the world. We contribute millions of dollars in the form of direct taxes. We pay the largest tin and probably the highest income tax in the country. We provide work for thousands of people. Yet, has the Government paused to think and consider what percentage of the taxes paid is spent on Kampar by the Government in terms of development, or to provide services for the new villages, kampongs, and especially Kampar Town. I would like to say that the amount is negligible and not worth mentioning. Very often it is only worth the paper it is written on. The Honourable Minister has not held out his hand to help us yet.

Sir, we have foundries, machine maintenance and repair shops, supporting the tin and allied industries. We have a light industrial area in Kampar recently established by the Kampar Town Council. There is yet another area of about 30 acres ready for alienation as a light industrial area. Already industries have moved in. Perhaps, the Honourable Minister will assist this young light industrial area, and help to develop it into one of the best light industrial areas to support the tin mining industry. Sir, Kampar has given so much in return for so little and I hope the time has come for the Honourable Minister to act and help us in this new light industrial area. Sir, my Honourable friend the State Assemblyman has time and again re-

ferred the question to the State Government for assistance, but somehow or other the State has not and, I think, never will show any interest in the development of the proposed light industrial area. Sir, the Kampar Town Council is not a financial autonomous body, and hence it has not been able to take on the responsibility to finance this project for the benefit of Kampar and national economy. I would now like to appeal to the Honourable Minister to make available sufficient funds, either in the form of direct contributions or loans to the Kampar Town Council through the State Government to develop the light industrial area. We, in Kampar, especially the elected Councillors, are always ready to help towards the rapid industrialisation of the nation. Give us the tools and we will play our part.

Sir, may I also take this opportunity to say a few words on the import of foreign goods. Almost every month we read and hear of Government imposing tariff restrictions and total import restrictions on basic and necessary goods. I congratulate the Honourable Minister for having the courage to protect local interest and manufacture, but I would like to appeal to the Honourable Minister to relax and to allow into the country such goods that have still to be locally produced, nor where local manufacturers cannot or are not in a position to produce. In such cases, we should welcome such goods, especially those cheap goods from Japan, Taiwan and Mainland China. These goods will cater for the poorer people, who have no money to buy the more expensive and sophisticated varieties. I do hope the Honourable the Minister will look into this seriously as he will, no doubt, be doing a service to the poor of the nation. Thank you, Sir.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya ingin hendak menyentoh satu dua perkara sahaja dalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini dan saya suka menyatakan bahawa saya menyokong atas peruntukan yang di-minta oleh Kementerian ini dan

berharap bahawa perjalanan yang berjalan itu akan membawa hasil yang baik.

Tuan Pengerusi, pertama saya hendak menyentuh tentang soalan pelan-chongan, muka 119. Tuan Pengerusi, dari sa-hari ka-sahari pelan-chongan ini telah menjadi suatu punca hasil yang bertambah² bagi negara kita ini dan perhatian Kerajaan dan orang ramai juga bertambah² kepada soal pelan-chongan ini, tetapi saya menengok kepada peruntukan bagi pelan-chongan di-Kementerian ini, jawatan Pengarah Pelan-chongan maseh merupakan satu jawatan Superscale J semenjak beberapa tahun ini. Dengan tanggung-jawab yang besar, yang kita hendak letakkan kepada bahagian pelan-chongan bagi menarek pelan-chongan² lebeh² ramai ka-dalam negeri kita ini saya merasa bahawa jawatan Superscale J ada-lah tidak begitu stempal dengan harapan kita yang besar kepada bahagian pelan-chongan untuk menjalankan usaha² bagi menambahkan hasil pelan-chongan dan kemasokan pelan-chong ka-dalam negeri kita ini, maka saya merayu-lah supaya di-timbang sa-mula kedudukan susunan dalam Jabatan Pelan-chongan dalam Kementerian ini supaya dapat di-beri pegawai² yang mempunyai chukup kebolehan dan pengetahuan bagi menjalankan bahagian pelan-chongan ini.

Di-satengah² negeri, Tuan Pengerusi, pelan-chongan di-jadikan suatu Kementerian berasingan, di-namakan Kementerian Pelan-chongan. Jikalau pada masa tahun lepas Malaysia telah dapat menarek sa-kali ganda lebeh ramai pelan-chong² daripada tahun² yang sa-belum itu, maka saya rasa ada harapan yang Malaysia merupakan suatu potential yang baik bagi menarek pelan-chong² ini lebeh ramai lagi. Oleh sebab itu perhatian Kementerian ini bagi kepentingan bahagian pelan-chongan dalam Kementerian ini, harap-lah di-tambah supaya dapat menjalankan usaha²-nya itu dengan mendatangkan hasil dan kejayaan yang di-maksudkan. Dalam soal pelan-chongan ini, Tuan Pengerusi, banyak-lah sungutan² dalam perkara yang kita harap pehak Jabatan Pelan-chongan atau bahagian pelan-chongan dalam Kementerian negeri ini

dapat menjalankan-nya dan sampai sekarang ini sa-tengah-nya maseh belum berjalan atau maseh belum sempurna. Saya tidak hendak menyebut lagi perkara itu, saya akan sebutkan pada ucapan saya dalam masalah perbinchangan dasar belanjawan ini, tentang perkara² yang maseh belum di-jalankan oleh Jabatan Pelan-chongan atas ranchangan² yang telah di-persetujui hendak di-jalankan di-Pantai Timor terutama di-Trengganu sendiri dan sampai terbengkalai semenjak tiga tahun yang akhir ini.

Ranchangan saperti ini banyak, Tuan Pengerusi, dan saya rasa dengan sebab itu-lah Jabatan Pelan-chongan mesti di-perkuatkan supaya dapat menjalankan segala projek² ranchangan² besar menarek pelan-chongan² ini.

Saya rasa dalam kawasan daerah kita ini kita dapat satu jenis perusahaan yang baharu dengan Singapura, tetapi saya rasa oleh kerana Singapura menjalankan usaha yang besar menarek pelan-chong² segala usaha yang di-jalankan di-Singapura menarek pelan-chong² di-sana boleh di-pergunakan untuk menjadi saluran bagi menarek lagi pelan-chong² itu bila datang ka-Singapura supaya datang ka-Malaysia ini dengan kita menyediakan incentive² dan usaha² yang lain supaya dapat kita menggunakan kesempatan kedatangan pelan-chong² ka-daerah sa-belah sini, ka-Asia Tenggara ini supaya tidak meninggalkan Malaysia sa-bagai tempat persinggahan mereka.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya sentoh soal industry di-Pantai Timor. Suatu perkara masalah yang kita berchakap sekarang ini banyak menyatakan ia-lah soal perpindahan pemuda² luar bandar ka-bandar, tetapi saya rasa dan dari segi yang saya tengok sekarang ini ada satu masalah yang boleh kita lihat daripada segi perpindahan pemuda² yang tidak bekerja daripada Pantai Timor ka-Pantai Barat terlalu ramai yang sa-bilangan besar pada masa ini pemuda² di-Pantai Timor, melainkan pemuda² luar bandar yang tidak ada pekerjaan datang mengembara bagi menchari kerja di-Pantai Barat,

di-Kuala Lumpur, di-Pulau Pinang, di-Kedah dan di-merata² tempat. Jadi saya rasa bagi mengatasi masalah ini suatu kajian mesti di-buat bagi membawa apa jenis industry yang sesuai ka-Pantai Timor kerana sa-benar-nya sekali memang sangat mustahak. Dan mengatasi soal perpindahan pemuda² luar bandar, atau Pantai Timor ka-Pantai Barat dan mengatasi penganggorean pemuda² luar bandar yang sangat besar di-Pantai Timor supaya diadakan jenis² industry yang sesuai di-kawasan² Pantai Timor terutama di-Trengganu, di-Pahang dan juga di-Kelantan. Satu soal yang sukar jadi masalah ia-lah soal pengangkutan daripada Pantai Timor membawa kapalabohan² atau ka-tempat² yang lain. Soal ini-lah yang harus di-fikirkan. Pada masa dahulu ada satu ranchangan hendak membuat satu pelabohan yang besar di-Pantai Timor, tetapi bagi sementara ini nampak-nya ranchangan ini di-tanggohkan dahulu. Jadi saya rasa jikalau pehak Kementerian ini ada memandang dan memerhatikan atas soal ini di-Pantai Timor, jikalau pehak Kementerian ini tolong membuat tekanan dan desakan bersama supaya diadakan kemudahan² pengangkutan yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang di-Pantai Timor, maka saya rasa soal membawa masuk industry² baharu di-sabelah Pantai Timor juga tidak menjadi masalah dan satu soal lagi ia-lah soal electricity, soal membesarkan bekalan letrik ka-Pantai Timor bagi memudahkan pembenaan industry² yang sesuai bagi kawasan² di-sana dan ini juga satu perkara yang masuk di-bawah kajian di-bawah portfolio Kementerian ini. Jadi ini dia soal dua masalah, soal kemudian pengangkutan dan soal electricity dan kedua-nya ini saya harap akan dapat dipertimbangkan oleh pehak Kementerian ini bagi membawa dan membuka sedikit sa-banyak industry² di-Pantai Timor tidak hanya menumpukan sahaja di-Kuala Lumpur, di-Petaling Jaya atau pun di-Seberang Perai dan di-Taiping.

Perkara yang ketiga saya hendak sentoh dan yang akhir, Tuan Pengerusi, ia-lah soal yang banyak di-bincangkan dalam sidang ini ia-itu soal bagi

mengatasi penganggorean² di-negeri kita ini. Bagi mengatasi penganggorean ini sa-lain daripada usaha daripada langkah membuka ranchangan tanah yang baharu yang sedang di-kaji sekarang sa-banyak dua sa-tengah juta ekar, ia-lah soal menambahkan dan membesarkan manufacturing sector di-dalam negeri kita ini. Pada masa ini jikalau angka yang saya dapat, kalau saya tidak silap, manufacturing sector hanya menerbitkan sa-banyak 11% sahaja dan ini suatu angka yang boleh yang belum lagi memuaskan, dan mesti di-besarkan sekurang²-nya sampai sa-hingga 20% atau 25% untuk menampung akan orang², ra'ayat yang tidak mempunyai pekerjaan yang pada tiap² tahun keluar daripada sekolah, yang pada tiap² tahun bertambah banyak daripada sa-tahun ka-satahun dengan usaha bagi menambahkan manufacturing sector ini jika tidak di-jalankan dengan sunggoh², maka memang soal penganggorean ini terutama penganggorean gulungan² terpelajar, atau yang sa-paroh terpelajar akan sukar di-atasi dengan cara berkesan.

Jadi saya rasa ini-lah perkara atau masalah yang besar yang kita hadapi di-negara kita ini yang memang menjadi tugas Kementerian ini untuk menchari jalan keluar daripada-nya. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): (*dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I first wish to touch on the \$36,000 that has been voted for the salary of the Honourable Minister and, in doing so, I wish to touch on his reply when we were debating on the general policy of the Government. First of all, he stated that for the First Malaysia Plan, in the public sector, expenditure is expected to go up to \$4,550 million and in the private sector it is \$5,950 million. Then, he said that, unfortunately, in the public sector foreign borrowing, which was estimated at \$1,900 million, had not come up to expectation. I think what he has stated is a misstatement of facts, because for this First Malaysia Plan we have been totally unsuccessful in getting any aid—I mean getting any loans from foreign countries. We are told by the

Minister of Finance that the public debt, foreign element, is \$538 million, if I am not mistaken. Now, Volume 1, No. 1, page 48 of the *Quarterly Economic Bulletin* shows us the external debt of this country, and if you look at the external debt of this country as in December, 1967, you will find that it was \$527.5 million. In other words, although we have borrowed \$92 million, I think, in 1968, in effect the total borrowings during the last three years, if you take borrowings and repayments into account, are very small—in other words, we are finding it increasingly difficult, if not impossible, to borrow. This is a thing which both the Minister of Commerce and Industry and his colleague, the Minister of Finance, should ponder very seriously because lots of the targets in the First Malaysia Plan depend on this foreign element of \$1,900 million, and I commend it to the Minister of Commerce and Industry—I read his speech very carefully—that instead of being euphoric, as most of those sitting opposite me are, and being congenitally afflicted with the disease of not being realistic but always trying to paint a rosy picture, whether there are elections or not, he should be realistic, as otherwise it will bring disaster to this country.

He also said that the targets for the First Malaysia Plan are to create 460,000 jobs and he said that in the manufacturing sector—this is where he is concerned—it is expected to provide 36,000 jobs in this 5-year period. Mr Chairman, Sir, I have some statistics here with me and I find it very difficult to reconcile some of these figures, because again according to Volume 1, No. 1 of the *Quarterly Economic Bulletin*, page 58 Manufacture in West Malaysia, the number of full-time employees, and this is the latest figure that this *Bulletin* can give us, is 69,986. When you compare this with the Review of the *Malaysia Industrial Digest*, the *Digest* says that the manufacturing sector employed about 193,000 people in 1967. Now, I do not know—these are all Government figures—and I should like to commend it to the Minister of Commerce and Industry

to find out which figure is correct—either that of Bank Negara's *Quarterly Economic Bulletin*, which gives us a total of nearly 70,000 or that of the Federal Industrial Development Authority's *Industrial Digest*, which probably reflects the euphoric sentiments of the Minister of Commerce and Industry. I take it that the *Bulletin*'s figure is the correct one and I quote this one. In 1966, as I read out the figure was 69,986: "In 1960 the figure for full time employment in the manufacturing sector is 43,456". In other words, in 6 years' time we have only given—it is in the manufacturing sector that I am talking of—employment to 26,530 people. Now, how are we to achieve this target of 36,000 people in the manufacturing sector during this First Malaysia Plan period of 1966-1970, in view of the fact that the public sector foreign borrowing is going to be drastically reduced and both the Minister of Commerce and Industry and his colleague, the Minister of Finance, have stated that the private sector is not playing its role.

Now, I wish to comment on the Minister of Commerce and Industry's statement that to provide a job in the agricultural sector it needs an investment of \$10,000, and to provide a job in the industrial sector it needs an investment of \$20,000. I have stated in this House before that all these figures are far too high for a developing country, particularly an Asian country. We should not try to think of what the West does, because there they have a high standard of living. What has been done in India I think is to try and reduce these figures. Instead of, say, \$10,000 and \$20,000, let us try and see whether we can reduce these figures, by half, and therefore provide more jobs. In other words, we should not be going for too sophisticated gadgets. This is a paradox that I sympathise with the Minister. In order to attract more industries and making more attractive in terms of more dividends to the investor, they will all want to be capital intensive. Therefore, this means less and less jobs for the people of this country. I hope that the Minister would try and reduce this cost of

\$20,000 per job to provide jobs for our people, and persuade our capitalists to go in for labour-intensive industries as well, so as to cater for the thousands that are entering the labour market.

Mr Chairman, Sir, I wish to touch on another matter, which I notice that the Minister of Commerce and Industry and his colleague the Minister of Finance had not bothered to reply when I spoke during the Budget debate, and that is this conundrum which they have not solved and which is of extreme importance in this country. First of all, we have a vast pool of labour. Labour is cheap. The Member for Bachok talks about labour in this country being not paid enough. The official estimate of 6.8% going to 7% plus this year will give us a figure of a quarter million unemployed this year. I have estimated that there are about 100,000 entering from the schools—drop-outs from Standard VI and LCE drop outs; both of these categories will give us 100,000. In other words, this figure will increase with the passage of years.

The other thing that we have in this country is bank liquidity. Every time we float a share, make industries public, we have people applying for 10,000 and 20,000 shares, which means that there is plenty of money in the banks or in the hands of the people. Then, you have land available.

Now, with all these three factors, which are of primary importance in setting up industries in this country, why, I ask, are we not able to accelerate the pace of industrialisation in this country? Why should the Minister of Commerce and Industry say that the private sector, local entrepreneurs are not coming up in great numbers to participate in industrialisation? Now, if we can find a solution to this conundrum that I posed to the Minister, I would say that we have gone a long way towards accelerating industrialisation in this country. The other factor that I have not mentioned, of course, is the managerial class. But, this is a factor which is not too difficult to over-

come as years go by and more and more people will get the “know-how”.

Mr Chairman, Sir, perhaps one of the reasons why private entrepreneurs are not coming forward in greater numbers is that we have such a multiplicity of statutory bodies. As I have mentioned before, you have FIDA, you have MIDFL, you have TAB, you have IDD, you have Investment Incentive Acts, which very few people understand, including the Ministry officials. You have an Income Tax Act, which again very few people understand, particularly the investors; and you have bilateral agreements with countries on incentive agreements. Now, the Minister has stated and he thinks that in stating these things, all you have to do is to go to FIDA and they will provide you with the service. I put it to the Minister that the solution to the difficulties of the investors or the industrialists is not that simple—“go to the FIDA and they will look after everything, including telephone”. I dare say that if the Minister himself were to ask them by telephone from some odd corner in Kuala Lumpur, they will take months. So, it is not that simple.

As for FIDA itself, I have asked, what is wrong with FIDA. I have looked at the Minister's speech, and I notice that he has not told us what is wrong with FIDA. Now, the FIDA still produces these things, and FIDA produces a few other things, but producing a newsletter like this and doing a few other things does not, to my mind, make FIDA an efficient instrument of Government to accelerate industrialisation in this country. It is common talk in town among the industrialists that all is not well with FIDA. I put it to the Minister again, is it because that the incumbent, who is so highly paid, is not the type that we want, or is it because that he is so hamstrung by the very bureaucratic set-up in this country that he cannot do his job properly? Whatever it is, I dare say that all is not well with FIDA and I do hope that the Minister will look carefully into this matter and, perhaps, try and bring some semblance

of order to this multiplicity of agencies that the industrialists have to contact.

Mr Chairman, Sir, on the question of tourism, I notice that the Minister has stated to the Opposition, "Well, you know we put in \$1 million and we are getting \$30 millions, I challenge any of the Opposition to say that this is not good business." I would tell the Minister, who is in front of me now, that I do not think the performance of the Department of Tourism matches up. You hear all the back-benchers saying, "It is not enough, not enough." I would just give him a classic example. On page 120, the P.E. for the Tourism Division is \$179,013, and on page 134 of this Estimate the O.C.A.R. is \$462,866, the total of which is \$641,879. But if the Minister would care to look at the Budget Summary on page 78, he will find that the allocation for this Department is \$657,474. Look at the difference. It is a matter of simple arithmetic, and there is a mistake. These are official figures that I have quoted. Now, I put it to the Minister, again that all is not well with the tourists industry in this country. There has been talk that it should be promoted to Ministerial status, and I have no doubt that the Minister of Commerce and Industry would like to get rid of that Division of his portfolio, since it causes him so much *susah*.

Tuan Pengerusi: Time is up. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

Jawatan-kuasa Perbekalan

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua
*mempengerusikan Jawatan-kuasa
Perbekalan*)

Kepala B.11—

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dr Tan Chee Khoon: (*dengan izin*)
Mr Chairman, Sir, I was touching on tourism this afternoon. I mentioned how the figures as given by these Estimates both on P.E. and O.C.A.R. differed from the figures given in the Budget Summary, and I pointed out to the Honourable Minister, who is not here this afternoon, how, in the simple matter of trying to correlate both sets of figures, if that Division cannot do such a simple thing, can it be expected to earn millions by way of foreign exchange for this country. The Honourable Minister of Commerce and Industry seems to take pride in his answer on the general debate, how we have earned \$30 million for an investment of \$1 million last year. But if one looks at the Estimates for this year, the figures for this year are \$641,879. Does it mean that we are satisfied with the \$1 million we spent last year we now go down to \$641,000—plus? Does it mean that we have reached the optimum that we can earn from tourism and therefore we need not spend more but less? I remember the Member for Kuala Trengganu Utara stated that the Director of Tourism, rated a lowly Superscale "J". Mr Chairman, Sir, if we are to be realistic, if we really want to turn tourism into an industry that will really fulfil the objectives as laid down in this Budget Summary, then we must go in for tourism in a big way. Now, I will read the objectives as laid down in this Budget Summary: it says, "Developing tourism so that it can generate greater economic activity in the country and can contribute to the national economy through the earning of foreign exchange". Now, I do hope that either the back-room boys of the Ministry of Commerce and Industry, or the Minister himself when his turn comes to reply,

can honestly tell us whether the Department of Tourism has achieved the objectives as laid down in this Budget Summary. I say it has not, and I say that it has a great deal more to do.

Now, let us take the question of hotel charges. The Member for Ipoh has stated that some of the hoteliers in this country are sharks, and that drew a very prompt reply from the Manager of the Federal Hotel. Now, I have no experience of such high-class hotels in this country. I must confess I do not go to such high-class hotels, but the Ministry of Commerce and Industry or the Department of Tourism must not imagine that every tourist who comes to this country can afford to go to the Federal Hotel, where he pays thirty over dollars *per diem*. There are a large number of many income groups, who come here and who do not care for the floor shows that the Federal Hotel, or other hotels, may lay on for them, but who want the simple clean hotel, so that they need not spend too much on hotel fees but go and see the sights of Malaysia. As I see here from the Budget Summary on page 83, in 1969 there are expected to be in this country 9,867 hotel beds. Now, I do hope that amongst these hotel beds will be many which will cater not for the higher income groups but for the middle income groups or even for the lower income groups, because we do hope to encourage Asian travellers from, let us say, Singapore to Malaysia, or from India or Thailand to Malaysia. These tourists cannot be classed in the same category as the Americans, or even the Europeans or Australians, and therefore if your hotel beds cost \$36—plus *per diem*, for a single hotel bed, then I would say that it is beyond the reach of many would-be tourists to this country.

The other thing is that I have yet to hear of the Division of Tourism organising package tours for the middle income groups. All the time the accent has been on high income groups, whereas one would hope that the Department of Tourism should encourage package tours, particularly

for those people living around this country. For example, I have in the past asked questions in this House for a central building for the Department of Tourism, and we have yet to see a central building in the centre of town, prominently placed where tourists can go and get all the information they need. I must confess that I do not know where that building is in Kuala Lumpur. I think it was somewhere near the Survey Department then, but I do not know where it is now. If I, a Kuala Lumpur resident, do not know where the Department of Tourism is situated, how on earth can we expect the tourist, a foreigner to this country, to know where such a building is, or where he can get information regarding local tours in this country?

The other things that need the attention of the Minister, in collaboration with his other colleagues, are things like customs and immigration. I have in this House pointed out these formalities take a long time to clear, and tourists by and large are very impatient people. They do not see any reason why they should stand at a long queue and waste their time in this country on health and immigration facilities, when in other countries it takes a matter of minutes to get these things cleared, whereas here it takes as long as half-an-hour, if not more. Where the tourists or the passengers are in a trickle now, if in the near future we have the Jumbo jets bringing in more tourists, how on earth are we to cater for such large groups of tourists? Therefore, the Minister of Commerce and Industry should also see to these things although they do not come within his portfolio. If he really wants to go in for tourism in a big way, then he should see that these facilities are stepped up.

Then, again there are the chronic delays of our railways and of our M.S.A. I shudder to think of any big groups who come here and then they want to fly off to Penang to see the delectable sights of Penang and then being told, "There is a fog in Penang and you cannot fly, you better wait half a day here." Now, these are the things

I do hope that the Minister of Commerce and Industry will get his Department of Tourism to look into and try and improve things; otherwise it is no use quoting figures and telling us, "You know, we put in \$1 million and we have earned \$30 million by way of foreign exchange." I think in the *Straits Times* today there is a report by an Indian who is, I think, in charge of tourism in India, where he stated that for every dollar that the Indian Government spends it earns twenty dollars, while we put in one dollar here and we get thirty dollars by way of foreign exchange.

Mr Chairman, Sir, I now come to the N.I.S.I.R.—the National Institute of Scientific and Industrial Research. I notice that the Minister in his speech last Friday has touched on it, but it is regrettable that the Ministry has not paid enough attention to this very important aspect of industrialisation and research in this country. I think that the Jordan Report was made, perhaps, four or five years ago and yet now the Minister says, "We are taking action now and we are waiting for experts from the United Nations". Now, I think this is an attitude of mind which is totally wrong in this country—every time they want somebody, they say we will wait for our "grandfather" in the United Nations to provide us with experts. What is wrong in using local talent in this country? Why must we all the time think of experts, some of them of dubious or doubtful value to this country? Surely, there are enough experts in industrialisation to make the beginning of a National Institute of Scientific and Industrial Research. I commend this idea to the Minister of Commerce and Industry, that instead of looking and waiting for somebody who may turn out to be not what he purports to be, let us make a start with looking for local talent. Let it not be said that a prophet is without honour in his own country, and therefore we should look for talent in our country, undiscovered talent, and utilise that talent instead of waiting for the United

Nations always to provide us with experts and so-called experts.

Mr Chairman, Sir, I shall end with the trials and tribulations of an entrepreneur and bring them to the attention of the Minister of Commerce and Industry—I know he is not present here today but, presumably, there are lots of people taking down notes for him, so that I hope when the time comes for him to reply, he will know what I am saying. Yesterday, I think I brought to the attention of the Minister of Agriculture and Co-operatives about a group of people, mainly *bumiputeras*, who wanted to plant tapioca and set up a tapioca factory in this country and how these people have been driven from pillar to post. Amongst the Ministers that this group of people had written letters to was the Minister of Commerce and Industry. Now, he cannot claim that he has no knowledge of this. He knows that there is a group of local people who are prepared to sink in capital and know-how on such a project and who are prepared to provide not capital-intensive industries but labour-intensive industries. The figure, I think, given by these people was that, if their scheme was implemented it would probably give jobs to about four hundred people. In view of the fact that the Minister of Commerce and Industry has pointed out that the private sector is always very sluggish, they are not prepared to take risk and the like, now instead of berating the private sector when local entrepreneurs come up with such a scheme, I would have thought that the Minister of Commerce and Industry would have grabbed hold of such a scheme with both hands and done what he could to help such entrepreneurs. Unfortunately, I gather that the Minister of Commerce and Industry has not grabbed hold of this opportunity of local entrepreneurs entering industry or agricultural diversification that he should have done, and I commend it to the Honourable Minister of Commerce and Industry that, instead of bewailing the fact that local entrepreneurs do not have initiative, dare not enter into private enterprise in this country and that

perhaps they want to put their money abroad, when such an opportunity occurs, he should really grab hold of it with both hands. Thank you.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson): (*dengan izin*) Mr Chairman, Sir, in complimenting this Ministry, I would be the first to agree that nothing in this world is perfect, but considering that Malaysia has been independent for only eleven years, one has only to look at Petaling Jaya and Batu Tiga to notice the hum of industries that is now taking place. I am sure, Sir, comparing this with any developing country, we should be proud, but at the same time, we cannot blame the Opposition for giving constructive suggestions.

In this connection, Sir, I would like to give a word of praise to F.I.D.A. I have met some foreign businessmen who have been here, and at the beginning, as far as I know, Sir, there were complaints that there was some delay in getting their pioneer status approved, but I am happy to say that from my recent talks with many of these visitors they are very happy, they are very pleased and they have found the officials of this particular Department to be very helpful and the delays that used to be four to six months have now been reduced almost up to from six to eight weeks. I would like to compliment this Section, because they are a very important group of people who can encourage or discourage the foreign investors who have millions to invest, and if they are not given the proper welcome, as we have heard in this House, there are many other countries where they could invest. I am sure that from now onwards our country will gain the confidence of foreign investors and it will not be long before we have to develop another Batu Tiga. In this connection, I would like to say that we would not like to put all our eggs in one basket, we would like to develop other industrial estates and that is being done in the north, in Ipoh, and perhaps I hope very soon our Seremban industrial estate also will have its fair share.

Next, Sir, I would like to speak under item (38), page 118, Government

Rubber Replanting Scheme. In this case, I have received a few complaints from some of the kampong people where the title says "Kampong Land" but for years they had been planting rubber not knowing that they should have gone to the proper authorities and should have had their titles altered from "Kampong Land" to "Rubber Land". When they go to the Department for aid, I am told that they are blocked because the title does not give a proper description. I hope the Ministry would be able to find a way to help these people, who out of ignorance are being put into great difficulties!

Next, Sir, I would like to speak on item (62), page 119, Tourism Division. Unfortunately, Sir, this is one Section on which I am not prepared to give much praise, because I think much more can be done. Port Dickson, as you know, Sir, is one of the nearest places of recreation for the local people and also for visitors. Up to now, I should say, almost nothing has been done. Only at the 8th mile, a few small rooms for changing for bathers have been put up of a very, very low standard, which will not attract any foreigner. They are not even of a standard good enough to attract the local people. I do hope that the Tourism Division will be able to give sufficient attention to Port Dickson, because it is the nearest health resort or holiday resort being visited by Malaysians at every week-end in their thousands.

Next, referring to pages 84 and 85 of the Budget Summary, National Productivity Centre, this Productivity Centre is doing an excellent job, but I do hope that there will be more courses to push our Malaysian products into the local market. I would like to see more courses being given to salesmen who really understand our local products, salesmen who are able to convince the customer that our local products are in no way inferior to the ones imported from foreign countries. This is a common belief in many countries: the person who has more money to spend, always likes to buy something that is different from the others, something that is imported. And it is

the duty of the salesmen here to be able to convince the customer that what we produce or what we assemble is as good as the one that is being imported.

Next, Sir, I would like to speak on the Budget Summary, page 87, Standards Institution of Malaysia. It will be very, very important, Sir, that this Institution does its job in the strictest possible manner. If the impression is once created abroad and in Malaysia that our goods are really up to international standards, there will be no difficulty in selling the goods in Malaysia or selling them abroad. I would say, Sir, even if they were to insist on a 5% higher standard than it is required, it will be to our benefit. The manufacturers might complain at the beginning, but they would very soon be able to cope up if this Institution is really strict.

The other point, Sir, I would appeal to this Institution, is on the matter of weights and measures. Every country, Mr Chairman, Sir, is trying to bring their coinage, their weights and measures into an international standard. We in Malaysia have different types of weights. If you go to one shop, Sir, you are sold goods or you buy goods in *katis* and *pikuls*. If you go to another shop, goods might be sold by *gantangs* and *chupaks*. If you go to another shop, goods might be sold in pounds. This is very complicating to the ordinary man from the rural areas. I do hope that early steps will be taken to bring in an international standard which is on the metric system or that works under decimal system. Even countries like England and Australia are going into the metric system. I do hope that this particular Institution will be able to set a time limit by which all our weights and measures in Malaysia will be of one standard. Thank you, Sir.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit di-dalam perbahathan di-bawah Kepala Bekalan 11—Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dalam Bahagian Pelan-

Tuan Pengerusi, pelancongan bukan-lah satu perkara yang memaksa Kerajaan berbelanja sa-rupa pejabat² yang lain. Ini bukan-lah belanja yang hangus. Sa-benar-nya dalam bahagian pelancongan ini merupakan satu investment bagi Kerajaan yang mana investment akan mendatangkan faedah yang besar bagi Kerajaan. Kalau kita perhatikan dalam Budget Summary ia itu berkenaan dengan perbelanjaan yang di-buat oleh Kerajaan untuk display centre, cultural stage dan sa-bagainya Kerajaan telah pun mendapat untong sa-banyak \$20,400 pada satu tahun dan di-jangka dalam lapan tahun perbelanjaan yang di-buat oleh Kerajaan akan dapat pulang balek pada Kerajaan. Jadi, oleh kerana itu tentulah Kerajaan tidak patut berasa ragu² tentang menambahkan perbelanjaan dalam bahagian ini. Kita ada di-dalam peruntukan di-sini sa-banyak \$15,048 bagi Pengarah Pelancongan. Saya perchaya bahawa Pengarah ini satu orang yang chekap dan menjalankan kerja-nya dengan tertib, tetapi pelancongan ini telah menjadikan satu industry yang besar seluruh dunia yang berkehendakkan kepada pakar² yang betul² biasa dalam perkara ini. Pakar² ini kebanyakan-nya bekerja di-dalam perusahaan private ia-itu tourist industry yang bukan di-arah oleh Kerajaan. Jadi kita berkehendakkan kepada pakar² ini untuk menasihatkan pegawai² di-dalam bahagian ini supaya dapat kita menarek lebeh lagi orang² datang ka-sini untuk melawat negara kita. Saya tahu ia-itu pada masa sekarang ini Kerajaan telah menjemput sa-orang pakar daripada United Nations, tetapi saya perchaya bahawa ini bukan-lah menchukupi untuk usaha yang patut di-jalankan oleh Kerajaan. Saya ingin mengshorkan kepada Kerajaan supaya mengambil lebeh banyak lagi pakar², terutama daripada kampeni advertising yang chekap di-dalam bahagian pelancongan ini untuk bekerja dan memberi nasihat kepada pejabat ini.

Pelancongan ini yang kita berkehendakkan sangat ia-lah pelancong² daripada luar negeri. Malangnya orang² di-dalam negeri ini kadang² tidak faham apa yang orang² daripada

luar negeri ingin melihat di-dalam negara kita. Banyak daripada kita berfikir ia-itu mereka datang sini untuk melihat rumah² benaan yang tinggi² sapteri Federal Hotel, atau pun bangunan Dewan ini juga, tetapi sa-benarnya rumah yang tinggi sa-macham ini bukan-lah satu perkara luar biasa bagi pelanchong² terutama pelanchong² daripada barat, negara mereka lebeh banyak lagi rumah² yang tinggi. Jadi mereka itu sa-benar-nya datang di-sini untuk melihat benda² yang tidak mereka jumpa di-tempat² yang lain.

Saya biasa pergi ka-Macao pada satu hari mengikut satu rombongan pelanchong dan saya di-bawa pergi ka-rumah ibadat orang² China. Ini ia-lah satu benda yang saya selalu tengok di-sini dan saya kurang faham kenapa kita di-bawa melihat rumah ibadat itu, atau pun apa yang di-katakan di-sini tokong China, tetapi nampak-nya orang² daripada barat ini sangat tertarek dengan benda ini yang luar biasa bagi pemandangan mereka. Jadi, di-sini juga kita berkehendakkan kepada orang daripada luar negeri untuk menchari benda² di-dalam negara kita yang orang² daripada luar negeri, orang² barat terutama-nya, ingin menengok. Berkenaan dengan perkara ini saya ingin menarek perhatian Kementerian ini kepada negeri Melaka. Negeri Melaka ia-lah satu negeri yang bersejarah dan ada bermacam² benda di-dalam Negeri Melaka yang tidak dapat kita berjumpa di-lain² tempat di-seluruh Malaysia. Satu daripada-nya ia-lah masjid² di-Melaka. Masjid di-Melaka ini agak berlainan sedikit daripada masjid² di-lain tempat. Di-lain² tempat biasa-nya masjid² ada dome yang bulat yang menunjokkan bahawa ini ia-lah bangunan masjid, tetapi di-Melaka bumbong-nya agak berlainan sedikit, ia-itu sa-rupa dengan pagoda orang² China. Ini menunjokkan influence orang² China di-dalam Melaka pada zaman dahulu. Ini ada-lah satu perkara yang luar biasa yang saya perchaya orang² daripada luar negeri ingin melihat di-Melaka.

Tetapi malang-nya dalam usaha kita pada sekarang ini untuk membangunkan kawasan luar bandar banyak daripada masjid² ini yang telah di-runtohan dan

di-bena di-atas tempat itu masjid² yang sa-rupa dengan masjid² di-lain² tempat. Kalau usaha ini di-jalankan, di-teruskan sa-hingga semua masjid² yang ada di-Melaka di-runtohan maka Melaka akan menjadi satu tempat yang tidak berbeza daripada tempat² yang lain. Ini tentu-lah merugikan kita dengan kerana rupa Melaka itu akan berubah.

Bagitu juga saya di-beri tahu ada beberapa buah rumah yang di-bena oleh orang² Belanda dahulu yang telah di-robokkan oleh Kerajaan oleh kerana rumah ini agak tua sedikit. Saya tahu di-lain² negeri rumah yang lama² ini di-jaga, di-chat dan di-bena daripada dalam supaya rupa bentok daripada luar-nya sama juga tetapi rumah itu maseh kuat lagi. Patut-lah usaha yang sa-macham ini di-jalankan juga di-negara kita ini. Dengan chara ini maka dapat-lah kita menjaga rupa Melaka itu saperti yang ada sekarang dan ini akan menarek pelanchong bukan sahaja daripada luar negeri, tetapi juga daripada lain² negeri di-Malaysia.

Satu lagi perkara yang termasuk di-bawah bahagian pelanchongan ini ia-lah berkenaan dengan airline terminal. Saya fikir masa-nya telah tiba yang Kuala Lumpur ini mengadakan satu air terminal.

Mengikut Menteri Pengangkutan bilangan orang² yang menggunakan Subang Airport umpama-nya telah meningkat daripada 170,000 pada mula² Subang Airport ini di-buka sa-hingga sekarang ini 350,000 lebeh pada satu tahun. Jadi tentu-lah orang² ini berkehendakkan satu air terminal dimana boleh kita menempatkan bukan sahaja pejabat company pelanchongan dan juga airline companies, tetapi juga boleh kita adakan Department of Tourism, atau pun Tourist Bureau untuk memberi keterangan tentang apa² yang patut di-buat oleh pelanchong² yang datang ka-negeri ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menimbangkan soal ini dan kalau boleh airline terminal ini hendak-lah di-bena di-tengah² pekan, tetapi kalau lebeh dekat sedikit dengan station keretani, maka ini akan menjadi satu perkara yang lebeh baik lagi.

Satu lagi perkara yang termasuk juga di-dalam bahagian pelanchongan ini ia-lah berkenaan dengan jagaan tempat² yang menarek pelanchong² di-dalam negeri.

Saya baharu sahaja pergi ka-Cameron Highlands dan di-sana saya tertarek benar dengan sungai² yang ada di-sana, sungai² yang ada ayer terjun dan ayer yang jerneh dan sejok. Di-sana sangat-lah menarek perhatian bukan sahaja saya tetapi semua orang yang pergi ka-Cameron Highlands, tetapi malang-nya tempat² ini amatlah kotor dan kalau kita chuba mandi di-dalam sungai² ini boleh jadi kaki kita akan luka dengan kerana banyak orang² yang pergi di-situ telah membuang tin² sardin dan sa-bagai-nya di-dalam sungai sa-hingga ini menjadi satu perkara yang merbahaya kepada siapa² juga yang chuba mandi di-dalam sungai² itu. Perkara ini juga terjadi di-dalam Templer Park di-mana orang² yang pergi di-sana pada hujung minggu selalu membuang benda² yang kotor di-dalam sungai itu. Jadi saya berharap perkara ini juga di-ambil berat oleh bahagian pelanchongan ini.

Lagi satu bahagian yang saya ingin berchakap ia-lah berkenaan dengan Trade Division. Saya perchaya bahawa Trade Division ini ia-lah division yang bertanggung-jawab tentang mengeluarkan lesen² dan sa-bagai-nya.

Apa yang saya ingin berchakap di-sini ia-lah berkenaan dengan kemasokan ikan daripada Negeri Thai. Pada tiap² hari banyak lori² yang masok daripada Thailand membawa ikan dan udang untok di-bawa ka-Kuala Lumpur. Lori² ini semua-nya tidak menggunakan ice atau pun menggunakan ayer batu chuma sadikit sahaja, tetapi yang menarek perhatian saya ia-lah lori² ini sangat-lah busok ia-itu kalau kita lalu atas jalan yang mana lori ini telah lalu sa-panjang sa-kurang²-nya sa-batu, busok-nya sangat-lah kuat sa-hingga hampir² membawa orang² yang ikut belakang lori ini muntah. Jadi ini saya di-beri tahu ia-lah oleh kerana lori² itu tidak di-chuchi sama sekali. Ikan yang di-bawa-nya itu memang ikan yang baik, tetapi oleh kerana ti-

dak di-chuchi maka sisek² ikan yang terlekat di-chelah² papan di-tepi lori ini telah pun menjadi busok dan ini-lah yang membawa lori² ini menjadi bagitu busok. Saya berharap-lah bahagian ini memereksa lori² ini supaya jangan menjadi satu nuisance di-jalan² raya.

Tuan Pengerusi, sa-takat itu-lah sahaja, terima kaseh.

Tuan Tan Tsak Yu (Sarawak): Mr Chairman, Sir, in supporting the allocation of \$7,215,860 for the Ministry of Commerce and Industry, I would like to say that this is a very important Ministry not only to increase our foreign exchange earnings but also to create new jobs for our growing population.

I wish to thank the Central Government for its policy in diversification, without which our economy will be very much worse today and we will have more unemployed and more crimes committed, such as robbery and gangsterism, particularly in the urban areas.

Sir, now I would like to comment, very briefly, on the Export Commodities Division. It is my view that it is very necessary to export more in order to accelerate the rate of growth in our industrialisation. To achieve this objective our manufactured goods must be able to compete favourably on the world market in price and in quality. The Government is aware of this and it has done all it can in setting up Trade Commissions all over the world to publicise the Malaysian made goods and by introducing the Standards Act, 1966, to stabilise our products and the Investment Incentives Act, 1968, to give more export incentives. However, the Government alone will not be successful; the private sector must come in and do their part to promote export trade in Malaysia.

Sir, now I wish to touch on tourism in Sarawak. In Sarawak we have an immense tourist potential. We have a lot of attractions to offer the tourists. Tourism in the State can be of great

importance in foreign exchange earnings in Malaysia, but unfortunately the Sarawak Tourist Association, which is responsible for the running of tourism in Sarawak, has not been doing well so far because of a lack of 'know-how' and funds.

In answer to a question by an Opposition Member in the Council Negri in Sarawak last December, the Chief Minister of Sarawak, Dato Penghulu Tawi Sli said, and I quote, "The S.T.A. (Sarawak Tourist Association) has not been successful in handling the promotion of tourism in the State largely due to the lack of experience on the part of all concerned." According to the Inter-Governmental Committee Report, tourism in Sarawak is neither a Federal matter nor a State subject—it is nobody's baby. However, in view of the fact that tourism is under the portfolio of the Ministry of Commerce and Industry, and the receipt of foreign exchange earnings from the tourist industry in Sarawak go to the Ministry of Finance, I hope the Honourable Minister of Commerce and Industry will look into the matter and give every possible assistance to promote tourism in Sarawak. Thank you.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):

Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang di-minta oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan sa-banyak 7.2 juta ringgit. Berchakap saya, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 5—Belanja Seranta Bahagian Kemajuan Perusahaan, muka surat 134 dan perbelanjaan bagi Pejabat² Pesuruhjaya Perdagangan, Pechahan-kepala 56, muka surat 140, dan Pechahan-kepala 57, muka surat 141.

Tuan Pengerusi, di-dalam perkara soal seranta ini, sa-waktu saya pergi ka-luar negeri baharu² ini saya dapati seranta berkenaan dengan barang² kita ini kurang sangat. Dalam perjalanan saya ka-Amerika, Eropah dan Asia Tenggara, saya tidak nampak pun barang² made in Malaysia. Apa yang saya dapat tahu, kita ada banyak Trade Commissioners di-luar² negeri. Saya harap Trade Commissioners di-luar negeri, kalau tidak pandai me-

mainkan peranan, baik-lah kita panggil dia pulang dan membuat kerja desk job sahaja.

Tuan Pengerusi, kita letakkan Trade Commissioners di-luar negeri itu mesti ada tujuan dan jika sa-kira-nya tujuan itu tidak berjaya, maka terpaksa-lah kita suroh dia gulung tikar bantal dan balek, bukan kita letakkan sa-saorang Trade Commissioner itu untuk menyenangkan orang² di-sana menghantar barang²-nya ka-sini. Kita sekarang tidak hendak melihat report yang puji²-an, yang tinggi², tetapi kita hendak melihat kedua² sa-kali berjalan. Saya tengok di-Africa, Eropah, Jepun dan banyak lain² negara lagi di-mana kita boleh membuat perdagangan dengan mereka, kalau sa-kira-nya Trade Commissioners ini pandai membuat seranta yang bertubi², tentu lama-kelamaan akan di-masoki akal juga, tetapi kalau kita dudok di-kerusi sahaja mengharapkan orang menchari, itu saya fikir susah. Pada zaman ini kita tidak boleh mengharapkan bulan datang ka-riba, kita pergi mendapatkan bulan. Jadi saya harap barang² keluaran negara kita di-usahakan dengan memberi seranta yang lebeh luas lagi di-negara² yang belum lagi ada barang² kita supaya dapat kita berusaha dengan lebeh giat lagi.

Tuan Pengerusi, umpama-nya kita ada-lah negara pengeluaran getah, sa-patut-nya barang² daripada getah ini mendapat tempat yang pertama diseluruh seberang laut, tetapi saya tidak nampak barang² mithal-nya di-Amerika, barang² buatan daripada getah made in Malaysia. Jadi saya harap Menteri kita ini berusaha dengan lebeh giat lagi untuk memajukan negara kita.

Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 52-Charum kapada Persatuan Pengguna, muka 139. Baharu² ini kita telah menempoh Tahun Baharu, Hari Raya dan tidak lama lagi Tahun Baharu China, maka kedengaran-lah kita barang² kebanyakan-nya naik harga, sunggoh pun tidak banyak naik harga daripada biasa, tetapi terasa juga. Jadi pengguna² saperti kita ini semua dapati wang yang di-belanjakan banyak, tetapi barang yang di-beli-nya macham

biasa juga. Jadi ini-lah tanda yang barang² keperluan telah naik dengan tidak di-sedari. Jadi saya fikir untok mengatasi soal pengguna ini, saya menguchapkan terima kaseh kepada Kementerian yang telah berusaha menubuhkan satu Persatuan Pengguna di-Selangor, tetapi di-tempat² lain belum lagi saya melihat-nya. Dalam perkara hendak mengatasi soal kenaikan barang² kegunaan ini, ada lebeh baik Kerajaan mendirikan bangunan saperti super-market, di-mana² barang yang di-jual ini di-awasi oleh Kerajaan, bukan Kerajaan yang berniaga, tetapi Kerajaan membuat suatu tempat atau centre barang² yang di-jual di-centre ini tidak mahal harga-nya; timbang-nya betul dan semua gerak-geri di-awasi oleh Kerajaan betul².

Tuan Pengerusi, chuba kita dirikan centre saperti ini di-bandar² atau dipekan² yang menasabah sa-lain daripada pasar di-mana ra'ayat jelata boleh pergi membeli-belah dengan di-awasi oleh Kerajaan, tentu-lah susah, tetapi kalau ada super-market yang di-anjorkan oleh Kerajaan, maka sudah tentu-nya akan dapat menarek orang ramai.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh, beraleh saya kapada kepala 11, Butiran (79) Pengawal Bahagian Perdagangan, muka surat 120. Kita belum nampak lagi barang² buatan Russia di-negeri kita, sunggoh pun Russia telah menunjokkan kebaikan-nya dengan membeli hasil negara kita dan juga menubuhkan Kedutaan-nya di-sini, tetapi kita belum lagi menunjokkan chontoh tauladan bagi membawa sedikit sa-banyak barang² buatan Russia. Saya nampak barang² negara China Kominis sunggoh pun belum ada Kedutaan-nya, juga menunjokkan gaya aggressive terhadap Kerajaan pemerintah, ra'ayat dan negara kita, dapat kita beli barang² keluaran-nya dengan berlebehan² bahkan mengancham pasaran buatan tempatan dan lain² tempat. Dengan adanya tertuboh kedai² yang di-namakan emporium, maka akan bertambah-lebeh banyak lagi barang² buatan China Kominis ini masok ka-emporium² yang di-tubuhkan, semua-nya menjual 99% keluaran China Kominis

dan mereka ini menidak²kan barang² keluaran tempatan.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya harap kira-nya Kementerian terutama sekali Pengawal Bahagian Perdagangan dan Penyelidikan antara kita dengan negeri China Kominis, terutama sekali barang² yang masok hendak-lah di-kaji dengan sa-berapa segera. Barang² buatan² sa-suatu negara juga belum melambangkan sa-suatu negara, jadi di-negara kita ini boleh kita membesarkan hasil² negara lain dengan membelakangkan hasil usaha sendiri. Saya bukan-lah chemburu berhubung dengan hasil negara China Kominis di-jual di-sini dengan melambak, tetapi kita hendak-lah tinjau sama dengan negara² yang ada hubungan diplomatik dengan kita. Apa pula mereka akan memikirkan ada-lah kita nanti kata-nya kita anti-kominis yang militant, tetapi sa-balek-nya menyokong dengan sa-chara lain. Kita tidak hendak orang lain chap kita bagitu.

Tuan Pengerusi, jadi saya harap-lah Kerajaan menyekat barang² keluaran negara yang tidak ada hubungan dengan kita sa-balek-nya kita menggalakkan barang² kita sendiri di-utamakan dengan barang² di-negara yang ada hubungan diplomatik dengan kita. Saya harap Menteri dan Pengawal Perdagangan hendak-lah melebehan perdagangan yang memberikan keuntong-an kapada negara dan ra'ayat. Terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong peruntokan bagi Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan saya ingin berchakap dalam Bahagian Perusahaan muka surat 119.

Tuan Pengerusi, saya kerap kali dapat aduan daripada pemuda² dikawasan² luar bandar khas-nya yang mengatakan ada di-antara perusahaan² taraf perintis yang tidak mengikuti syarat² yang di-kenakan kapada mereka itu untok mengambil pekerja² yang di-tetapkan sa-banyak 30% terdiri daripada orang² Melayu. Jadi saya harap-lah Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian supaya pehak berkuasa kilang² itu mengikuti

apa yang di-sharatkan di-dalam surat permit atau kebenaran yang di-beri kepada mereka itu menjalankan kilang. Kerap kali kita dengar kilang² ini atau pehak pentadbir kilang mengatakan mereka mengambil orang² yang ada kemahiran. Jadi kebanyakan-nya orang² ini tidak-lah terdiri daripada pemuda² di-kampong². Saya berharap supaya pehak Kementerian ini mengkaji dan mengadakan satu syarat di-dalam surat kebenaran waktu hendak memberikan kebenaran itu kepada siapa juga yang hendak mendirikan kilang dengan chara taraf perintis, atau pun dengan chara modal-nya sendiri supaya mereka mengambil pekerja² yang ada kemahiran daripada Yayasan Teknologi MARA yang mana ada latehan yang luas dari segi pengurusan, dari segi Setia usaha, dari segi lain² pengurusan dan juga kita ada sekolah² vocational dalam negara kita ini dan di-beri latehan kepada mereka itu untuk mereka dapat pelajaran sedikit sa-banyak mengenai jentera dan lain². Kita ada juga Pusat Latehan Perusahaan Negara yang mana banyak di-antara pelateh² yang ada di-situ. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan membuat satu syarat supaya sa-barang perusahaan yang hendak di-dirikan di-negara kita ini mesti-lah mengutamakan pengambilan pekerja² daripada pelateh² yang telah pun mendapat latehan daripada tempat² yang tersebut. Sa-kira-nya tidak di-usahakan untuk mengambil orang² ini, masok bekerja, saya yakin dan percaya akan bertambah lagi pengangoran di-kampong². Jadi saya berharap-lah pehak Yang Berhormat Menteri akan mengkaji kemungkinan bagi mengadakan satu undang², atau pun syarat.

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, di-samping kita menarek modal daripada luar negeri untuk mereka berkongsi dengan modal dalam negeri, patut juga kita kaji dan halusi di-atas modal² yang ada dalam negeri kita sendiri. Saya percaya banyak di-antara orang² kita yang ada menyimpan wang dengan simpanan tetap dalam bank, kalau kita ikuti penyata kira² satu² bank itu sa-hingga beribu² juta ringgit di-simpan dalam bank. Ini menunjukkan banyak wang yang ada

dalam negara kita. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan membuat satu peratoran bagi menarek hati pe-modal² dalam negeri kita ini, jikalau boleh di-beri satu kemudahan yang istimewa kepada mereka supaya mereka gemar menanamkan modal dan mendirikan perusahaan dengan modal kita 100%. Jadi tak payah kita harapkan kepada modal² daripada luar negeri. Jadi saya berharap dengan chara yang sa-macham ini dapat kita mendirikan banyak perusahaan dalam negara kita ini. Dan saya berharap sa-kira-nya hendak di-keluarkan satu² kebenaran untuk hendak mendirikan satu² kilang biar-lah kilang itu ada pertandingan. Sa-kira-nya di-keluarkan satu kebenaran untuk mendirikan sa-buah kilang dan kilang itu mengeluarkan barang² yang tidak ada pertandingan di-dalam pasar, maka menjadi satu monopoli bagi perusahaan itu. Dengan chara monopoli, maka dapatlah pehak pengurus kilang itu menentukan harga yang lebeh tinggi dan mengambil untung yang lebeh daripada yang patut. Jadi kalau kita benarkan ada pertandingan, maka di-antara dua² kilang itu akan bertanding dan barang² akan boleh dapat murah dan mutu-nya akan lebeh baik, kerana dengan pertandingan di-antara dua² kilang itu maka akan lebeh mutu-nya dan harga-nya akan bertambah baik lagi.

Saya mengambil peluang di-sini dengan menguchapkan sa-tinggi² terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun memberikan kerjasama dengan sa-penoh-nya mengenai kejayaan tempat perusahaan di-Mak Mandin dan baharu² ini ada lagi satu tempat di-Negeri Pulau Pinang ia-itu di-sabelah Seberang Perai yang luas-nya 2,252 ekar yang sedang di-usahakan dan ini ada-lah satu perkara yang baik yang saya beri kepujian kepada Yang Berhormat Menteri. Dan lagi satu perkara yang mana saya dengar Yang Berhormat Menteri telah pun mengishtiharkan hendak mendirikan sa-buah Limbongan Benaan Kapal di-Prai. Saya bagi pehak Negeri Pulau Pinang khas-nya kawasan saya menyambut baik di-atas pengishtiharan Yang Berhormat Menteri dan dengan ini dapat-lah kita lebeh banyak lagi

menerima pekerja² dari orang² yang tidak ada pekerjaan pada masa sekarang ini.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat tahu sedikit sa-banyak mengenai rancangan hendak mendirikan sa-buah Kilang Kertas di-Bumbong Lima di-kawasan saya sendiri. Satakatah mana-kah rancangan itu telah pun di-majukan dan bila-kah agak-nya Kilang Kertas ini hendak di-dirikan. Sa-kira-nya boleh, saya harap Yang Berhormat Menteri tolong beri sedikit keterangan di-atas perkara ini, sebab pengundi² di-tempat saya selalu mendatangkan sungutan bertanya kepada saya bila hendak di-dirikan.

Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): (*dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I rise to support the allocation for this Ministry and I would like to touch on page 119, Industries Division. Sir, I would like to appeal to the Honourable Minister to give all assistance to the State of Penang in the new industrial complex in Prai which appears to show no sign of progress whatever yet although one heard of this project nearly two years ago. Sir, I realise that this is a project of the State Government of Penang, but as the loan for the purchase of the 2,100 acres of land in Prai was granted by the Central Government, I feel, Sir, that it is also the duty of the Central Government to see that this project is carried through with some success and to the satisfaction of entrepreneurs applying for land in that area.

I have time and again, Sir, suggested that a Master Plan on the area be made available to all prospective entrepreneurs and, if one is available, I am sure that not only me but other Members of Parliament from Seberang Perai will be happy to receive one, so that it would be easier for us *Wakil? Ra'ayat* to guide or advise enquirers who are interested in the setting up of factories in that area.

Sir, I have also suggested that a Committee be set up to advise pros-

